**SUNAT DAN WAJIB**
**July 26, 2010**
**chedet.co.cc**

1. Sejak kecil lagi saya diajar tentang perbezaan antara sunat dan wajib dalam Islam.

2. Yang sunat saya diberitahu jika dibuat berpahala tetapi tidak dibuat tidak berdosa. Sebaliknya yang wajib perlu dibuat jika tidak akan berdosa.

3. Sudah tentu awal-awal lagi saya diberitahu sembahyang lima waktu itu wajib. Tetapi kelonggaran diberi jika tidak sihat, jika dalam perjalanan, dalam kecemasan.

4. Jika tidak dapat berdiri boleh duduk semasa sembahyang, dalam perjalanan boleh jamak. Demikian juga dengan ibadat puasa, mengeluar zakat dan mengerja haji.

5. Islam tidak membebankan penganutnya. Oleh itu banyaklah amalan yang sunat, yang jika dilakukan mendapat pahala tetapi tidak berdosa jika tidak dilakukan.

6. Ramai orang Islam yang tidak puas hati dengan kelonggaran-kelonggaran yang diberi oleh Allah Subhanahuwata'ala Mereka lebih suka jika yang wajib ditambah dan yang sunat diwajibkan.

7. Ada yang sampai memaksa yang sunat dilakukan dan jika tidak, tidak Islam atau kurang Islam. Tidak ada kelonggaran yang dibenarkan.

8. Walaupun ini mungkin tidak jadi masalah kepada yang sudah Islam, tetapi ada orang bukan Islam yang takut memeluk agama Islam kerana "wajib" disunatkan.

9. Tetapi ada yang begitu keras mewajibkan "sunat" sehingga sanggup tidak menerima yang tidak mahu disunat memeluk agama Islam. Ketakutan ini lebih terdapat dikalangan wanita bukan Islam. Dipercayai wanita yang Islam pun ramai yang tidak disunatkan kerana ini adalah perkara yang tidak diwajibkan. Tetapi pihak tertentu berkeras berkenaan "sunat" bagi wanita yang memeluk agama Islam.

10. Kenapakah kita begitu tidak puas hati dengan kelonggaran yang diberi oleh Allah s.w.t. sehingga menolak hukum yang telah ditentukan oleh-Nya. Sesungguhnya banyaklah hukum Allah yang dialihkan terutama berkenaan fardhu kifayah supaya yang wajib menjadi sunat dan yang sunat diwajibkan.

# 90 Comments

By wajaperakAuthor Profile Page on July 30, 2010 10:42 AM

Assallammualaikumwarahmatullahiwabarokatuh.

Tun saya amat berharap sudi mendapat ruang dan keizinan.

Prof_Ridculy.

Ribuan terima kasih tuan kerana sokongan tuan.

Ringkasnya begini.Kita lihat pada doa Rasullulah s.a.w yang merayu kepada Allah supaya "umatnya tidak berbunuh-bunuhan sesama sendiri".
Doa ini di tolak oleh Allah..Hanya Allah yang Maha Mengetahui mengapa dan tidak di sebutkan oleh Rasullulah s.a.w mengapa.

Jadi..hasilnya kita lihat bila Rasullulah s.a.w wafat..seorang pemuka Ansar tanpa segan dan silu ingin melantik dirinya sendiri menjadi pemimpin.Beliau menegaskan..Biarlah orang-orang Muhajirin memilih ketua mereka dan saya menjadi ketua orang-orang ansar
( maksud yang sewaktu dengannya)Di sinilah bermulanya perselisihan di antara umat Islam.Beliau tidak malu untuk meminta hak menjadi pemimpin sedangkan mertua Rasulullah s.a.w jauh lebih layak iaitu Saidina Abu Bakar Assidiq dan Saidina Umar Al Faruq r.a.Beliau juga tidak mahu tunduk kepada kenyataan terhadap keutamaan 10 orang yang di janjikan syurga oleh Allah..ringkas kata

Siapalah dia berbanding orang yang di akui keutamaanya oleh Allah??

Kesimpulannya: Ada sahabat yang tidak mengakui keutamaan dan tidak sedar diri ingin menjadi pemimpin dan mengenepikan keutamaan dan perpaduan umah.

Di atasi dengan hebatnya oleh Saidina Abu Bakar As Sidiq ra dan Saidina Umar ra.

Kembali ke masa kini.Kalau di zaman sahabat pun ada Manusia yang tak sedar diri dalam mencari keutamaan maka tidak hairanlah di zaman ini berlambak-lambak dan berlonggok-longgok jenis manusia ini.Dan sungguh malang Tun membenarkan mereka menebarkan fitnah dan dakyah mereka di sini..:(

Bagaimana Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar r.a menangani mereka? Begitu juga cara kita menangani mereka.Hati pejuang-pejuang Islam tulin hancur terbakar duduk di dalam dunia ini.Mereka tidak sudi dan tidak redha dengan segala macam kemungkaran di dunia.Tetapi mereka tunduk dan patuh kepada perintah Allah supaya berjuang mengikut apa sahaja yang terdaya.

Dan di sinilah kita mesti bersatu padu.Jika orang anti hadith jahil,tidak mengapa.Marilah kita sama-sama bermuzakarah.Tetapi Tun dan tuan cuba lihat.Mereka ini bukan jahil tetapi kejam.
Orang-orang yang ikhlas akan memulakan dengan..

1)Pada pendapat saya..
2)Saya merasakan bahawa..
3)Tidakkah kita patut melihat dari sudut..

TAK ADA LANGSUNG!!

Dengan angkuh dan sombongnya anti hadith masuk blog Tun dan menyerang Islam!!..Jadi..apa yang anda harap saya lakukan?
Pencabulan Islam di lakukan di hadapan mata dan saya dengan sopan dan santunnya memohon..

Wahai tuan-tuan sekalian..sudi apakah kiranya masalah ini di bincangkan secara berhemah dan sopan santun??..)

Macamtu?

Atau

Belasah mereka sedahsyat-dahsyat sebagaimana yang biasa di lakukan oleh Saidina Umar ra.Dan apa yang biasa di perkatakannya..

"Aku ini pedang yang terhunus.Rasullulah s.a.w yang menyarungkannya."Begitu juga dengan peranan

Saidina Abu Bakar r.a yang sentiasa "menyarungkan" Saidina Umar r.a.

Saya mahu jadi pedang yang terhunus untuk Islam.Jadi..Tun..moderator..jangan "sarungkan saya" untuk membelasah anti hadith!!

Terima kasih tuan.
Terima kasih Tun.
By azizAuthor Profile Page on July 29, 2010 9:54 PM

A;kum Tun,

Please allow me to share some information with our brothers here.

Role of Prophet Muhammad

The Prophet's sole mission was to deliver Quran, the whole Quran, and nothing but Quran (3:20; 5:48-50, 92, 99; 6:19; 13:40; 16:35, 82; 24:54; 29:18; 42:48; 64:12).

Delivering the Quran was such a momentous and noble mission that the Prophet did not have any time to do anything else.

Moreover, the Prophet was enjoined in the strongest words from issuing any religious teachings besides the Quran (69:38-47).

Hadith and Sunnah

Which Hadith, other than God and His revelations, do they uphold? [45:6]

The Quran is not a fabricated Hadith; ...it details everything. [12:111]

Some people uphold vain Hadith to divert others from the path of God. [31:6]

The only Sunna to follow shall be God's Sunna. [17:77, 33:62, 48:23, 6:114]

The Quran informs us that some enemies of the Prophet, described as "human and jinn devils," will fabricate lies and attribute them to the Prophet (6:112, 25:31).

This is precisely what happened after the prophet Muhammad's death; Hadith (oral) and Sunna (actions) were invented and attributed to the Prophet.

Hadith and Sunna are not from God or even Prophet because they:

[1] defy the divine assertions that the Quran is complete, perfect, fully detailed, and shall be the only source of religious guidance (6:19, 38, 114 & 45:6-7),

[2] blaspheme against the Prophet and depict him as a vicious tyrant who did not uphold the Quran, and

[3] create false doctrines based on superstition, ignorance, and indefensible nonsensical traditions.

The prophet Muhammad was enjoined, in very strong words, from issuing any religious teachings besides the Quran (69:38-48).

Some Muslims compromise:

"If a Hadith agrees with the Quran we will accept it, and if it contradicts the Quran, we will reject it!" Such premise proves that these people do not believe God's assertions that the Quran is "complete, perfect and fully detailed." The moment they seek guidance from anything besides the Quran, no matter how "right" it seems, they fall into Satan's trap (see 63:1). For they have rejected God's word and set up another god besides God (18:57).

Prophet Muhammad was even enjoined from explaining the Quran (75:15-19) - God is the only teacher of the Quran (55:1-2) and the Quran is the best Hadith (39:23 & 45:6).

These Quranic facts are manifested in the historical reality that the words and actions (Hadith & Sunna) attributed to the Prophet did not appear until the second century after his death.

The Quran has prophesied the fabrication of Hadith and Sunna by the Prophet's enemies (6:112-115). The Quran teaches us that it was God's will to permit the invention of Hadith and Sunna to serve as criteria for exposing those who believe only with their lips, not in their hearts.

Those who are attracted to Hadith and Sunna are proven to be false believers (6:113).

Ironically, the books of Hadith report the Prophet's orders to write down nothing from him except the Quran!

Shown below are two such Hadiths taken from the Hadithists' most reliable sources, Sahih Muslim and Is-haah Ahmad Ibn Hanbal:

"Do not write down anything from me except the Quran." [Ahmed, Vol. 1, Page 171, and Sahih Muslim]

Prophet maintained anti-hadith stand until death

This Hadith states that the Prophet maintained his anti-Hadith stand until death. [Ahmed, Vol. 1, Page 192]

God bless!

aziz

By prof_ridcullyAuthor Profile Page on July 29, 2010 8:01 PM

Dengan izin Tun,

wajaperak

Saya tak bersetuju dengan tuan. The best ethic of disputation is not having them in the first place.

Bak kata orang putih, Touche.

Betul apa yang saudara katakan tu. Prevention is better than cure. Malangnya manusia tidak sepi dari perselisihan faham terutama dalam hal-hal ugama.

Apa yang saya fikirkan ialah, satu kaedah yang baik untuk menyelesaikan kelainan pendapat antara orang Islam yang banyak berlaku kebelakangan ini ialah dengan mempelajari adab yang dipatuhi para Khalifah Ar-Rasyidin, para Sahabat (ra) dan Imam-imam Mujtahid (rh). Mereka ini juga kadang-kala berlainan pendapat tetapi mereka menyelesaikan masalah dengan penuh berhemah dan dengan

kesedaran bahawa Allah swt Mengetahui segala yang berlaku di antara mereka, sama ada yang terang-terangan ataupun yang tersorok. Mereka sangat ikhlas untuk mendapatkan kebenaran, dan hanya kebenaran; dan mereka hanya mengharapkan Keredhaan Allah swt di dalam usaha yang mereka ambil. Soal menang atau kalah di dalam perbahasan tidak terlintas di hati mereka, apatah lagi mencemuh pihak "lawan" yang seagama dengan mereka.

Sebenarnya saya teringat akan satu treatise Imam al-Ghazali (rh) bertajuk Debates and Disputations semasa menaip komen saya.

Mengenai soal pengulas-pengulas yang anti-hadith pula saya rasa tuan dan rakan-rakan kita yang lain sudah menyangkal mereka dengan baik and I can do no better than you or them. Namun, saya tetap akan memberi komen saya sekiranya saya mampu.

Selamat berjuang Wajaperak.
By zemmy_azliAuthor Profile Page on July 29, 2010 6:12 PM

Assalamualaikum,

Apa pendapat tun mengenai pekida @ tiga line @ tiga colour @ pertubuhan kebajikan dan dakwah islamiah semalaysia? Dengar nama macam bagus, ahli ahlinya pun hebat hebat, ramainya pun agak berjuta, tapi yang musykilnya pekida ni dah macam kongsi gelap orang melayu. Peras ugut sana sini, pukul orang sana sini, semuanya dia yang betul, orang lain tak betul.

Kalau macam tu jangan la guna nama pertubuhan kebajikan dan dakwah islamiah semalaysia, tukar la nama lain, contohnya macam persatuan samseng kampung dusun ke, atau apa apa la yang lebih bertepatan dengan konsep keganasan dan kesombongan mereka.

Memalukan bangsa.

Menjatuhkan maruah islam.

Habis tu macam mana kita nak berdakwah kepada orang bukan islam?

Mungkin ahli pekida ni terlebih dahulu masuk syurga berbanding umat islam lain, tu yang perangai masing masing macam gampang tu.

Tak tau la nak cakap macam mana. Di akhir zaman ini ada 72 aliran islam yang mana cuma satu je yang akan masuk syurga, yang selebihnya kecundang. Adakah pekida yang satu itu? Rasanya tak kerana yang satu itu adalah aliran sunnah wal-jamaah.

Ya Allah ya tuhanku, kurniakanlah kepadaku kebahagian hidup di dunia, dan kebahagian hidup di akhirat, dan jauhkanlah aku dari azab neraka.
By The Hidden Secret Author Profile Page on July 29, 2010 5:28 PM

Peace Tun and others.

Sahih Bukhari, Volume 8, Book 74, Number 313:

Narrated Abu Huraira:

Allah's Apostle said "The Prophet ABRAHAM CIRCUMCISED HIMSELF AFTER HE HAD PASSES THE AGE OF EIGHTY YEARS AND HE CIRCUMCISED HIMSELF WITH AN ADZE."

Narrated Said bin Jubair: Ibn 'Abbas was asked, "How old were you when the Prophet died?" He replied. "At that time I had been circumcised." At that time, people did not circumcise the boys till they attained the age of puberty. Sa'id bin Jubair said, "Ibn 'Abbas said, 'When the Prophet died, I had already been circumcised. "

Regards.
By RyahayaAuthor Profile Page on July 29, 2010 5:05 PM

Tun,

Dengan respond yang begitu hebat, Tun kenalah blog dalam hal2 agama yang simple supaya masuk akal melayu melayu Islam yang suka ikut adat adat dan dengak guru2 mereka yang pengajaran kuno. Sekali gus membuktikan yang Tun pun taklah lekeh agama. Selamat berjuang untuk kebahagian ummah di penghujung hayat Tun. Wassalam
By ros langkawiAuthor Profile Page on July 29, 2010 11:04 AM

salam Ybhg. Tun
saya suka pos Tun kali ini. Teruskan!
Saya setuju dengan pendapat Tun!
1-Islam adalah cara hidup
2-Islam adalah Syumul / sempurna
2-Islam adalah selamanya moden
3-kembali kepada sumber asas Al-Quran dan As-Sunnah.

Selamat menunaikan ibadah puasa buat Ybhg. Tun sekeluarga.
Jemputla ke Langkawi!

Rose Langkawi, KUIS.
By zalistapaAuthor Profile Page on July 29, 2010 10:47 AM

Salam semua,

Islam itu ibarat gula, jika kamu ingin manis makanlah gula itu. Jika kamu makan gula, maka dapatlah kamu manisnya.

Maksudnya, jika kita amalkan Islam itu keseluruhannya semata-mata untuk mencari redha Allah, nanti kita akan dapati ibadah atau amal kita akan membuahkan akhlak yang mulia, kita akan dapat kemanisan beramal dan cinta kepada sunnah-sunnah Rasulullah. Dengan itu tak timbul lagi, memilih2 mana yang wajib dan yang sunnat, mana pahala yang besar dan mana yang kecil. Ketahuilah bahawa rahmat Allah itu kita tidak dapat pastikan pada amal kita yang mana satu, mungkin amal kita yang sunat dan nampak kecil tu kualitinya tinggi di sisi Allah dan di situ jatuhnya pandangan dan rahmat Allah.

Teringat hadith Rasulullah "Jika aku tidak memikirkan kesusahan atas umatku, nescaya aku minta diwajibkan bersugi setiap kali sebelum solat". Bagi orang yang cintakan sunnah dan berlumba mencari redha Allah mereka nampak akan besarnya kelebihan amalan bersugi itu, bukan kepada ketidakperluannya.

Memanglah untuk saudara kita muallaf kita kena berstrategi dan beransur2, tapi sambil itu kita didik dia dengan menerangkan fadhilat2 amal itu disamping meneruskan ibadah2 seharian sehingga dia juga akan menjadi muslim yang sempurna, yang cintakan ibadah dan sunnah Rasul. Dengan itu jangankan bersunat, berperang di jalan Allah pun dia akan sanggup tanpa dipaksa.

Wallau 'aklam. Ampun maaf.

Zalistapa
By samuraimelayuAuthor Profile Page on July 29, 2010 7:41 AM

SALAM KASIH DAN SAYANG
AYAHANDA RAKYAT TUN
Izinkan,
...
8. Walaupun ini mungkin tidak jadi masalah kepada yang sudah Islam, tetapi ada orang bukan Islam yang takut memeluk agama Islam kerana "wajib" disunatkan.
...Kami nak gelak besar tetapi kerna dah lewat malam diDublin..terpaksalah 'control' perut supaya tidak mengganggu mereka yang sedang tidur..'disunatkan'!

9. Tetapi ada yang begitu keras mewajibkan "sunat" sehingga sanggup tidak menerima yang tidak mahu disunat memeluk agama Islam. Ketakutan ini lebih terdapat dikalangan wanita bukan Islam. Dipercayai wanita yang Islam pun ramai yang tidak disunatkan kerana ini adalah perkara yang tidak diwajibkan. Tetapi pihak tertentu berkeras berkenaan "sunat" bagi wanita yang memeluk agama Islam.

HA HA HA HA HA...ketawa sampai pecah perut...dah tak dapat nak 'control'...even the 'Last comic standing' can't make us laugh like we did reading this article..'wajib' disunatkan bila mengganggu dia yang sedang tidoq..eemm

Laughter is still the best medicine..tak 'wajib' disunatkan!

Thank you Ayahanda Tun.

ALFATIHAH, AMIN.
Ps. HAHAHA HOHO..
By sitinurAuthor Profile Page on July 28, 2010 9:01 PM

Asalamualaikum...
saya lagik konpius bapak.....
saya belajar untuk tidak terlalu taksub kpd mana2 ustaz2 yg berceramah dimana2 sahaja....
"bersunat" dan bertatu sebelum masuk islam ramai yg keliru dan rasanya tok2 imam terutama yg duduk di kg juga ada yg keliru...contohnya apa yg terjadi di kedah tak lama dulu saudara baru kita membuang tatu dgn menyelinap kulitnya sendiri...
By zalistapaAuthor Profile Page on July 28, 2010 6:51 PM

Salam Tun dan semua sahabat,

Sentiasa ada perdebatan berkenaan hukum-hukum agama kita. Ada yang ingin mencari kebenaran (sebagaimana disuruh dalam Islam), ada yang skadar nk tnjuk berilmu dan ada yg jadikan mental exercise je. Lantaran itu kita dapat lihat ramai yang suka berdebat tapi amal dan akhlak lintang-pukang.

Saya nk ajak sahabat-sahabat menyingkap kembali sejarah perjuangan nabi kita terutama di saat permulaan Islam. Walaupun kita lahir2 je ke dunia terus berada dalam Islam, tapi dari segi kaedah tarbiah dan pendidikan Islam tetap sama dengan mendidik orang baru Islam kepada mentauhid dan beriman dengan Allah. Kerana itulah asas segala amalan kita. Dengan tarbiah yang diberikan oleh Rasulullah secara berhikmah, kasih sayang dan ikhlas, apabila diharamkan arak yang pada masa itu menjadi minuman favourite orang quraisy, sahabat2 pd masa tu terus menumpah dan memecahkan bekas2 arak tanpa disuruh nabi. Kerana tarbiah itu mempunyai kekuatan ruhnya yang tersendiri.

Belajar ilmu islam pada masa dahulu tidak dipecah2kan kepada tauhid, feqah, dabg. Datang je wahyu terus diamalkan. Sebab tu tidak timbul perdebatan tentang hukum-hakam. Semua yang diturunkan

diamalkan. Kerana hasil tarbiah menjadikan sahabat cintakan semua sunnah nabi, tidak pilih memilih dalam beramal. Kerana amalan mereka lahir daripada kecintaan yang tinggi kepada Allah dan Rasul.

Tidak salah kita belajar ilmu Islam dengan membahagi2kan kepada cabang2 tadi. Tapi dalam beramal semua itu akan terangkum kepada satu. Contoh mudahnya, dalam solat ada niat kerana Allah semata (Tauhid), ada rukun, sah dan batal (Feqah) dan niat ikhlas dan kekusyukan (tasawuf). Klau tiada satu dpdnya maka tak sempurna dan tertolaklah solat kita.

Ada beberapa perkara untuk direnung;
* mewajibkan amalan yang sunat kepada diri sendiri itu adalah sifat orang soleh.
* meringan2kan amalan sunat itu amalan orang yang rugi (di akhirat) kerana ia menjadi penampung amalan wajib yang tak sempurna.
* meringan2kan amalan makruh itu amalan orang lalai kerana ia menarik sedikit demi sdikit kpd yang haram.
* orang soleh dan bijak itu bukan mereka yang pandai mengelak2kan diri daripada melakukan ibadah yang lebih, tetapi adalah mereka yang merasa tidak pernah cukup dalam beribadah.
* orang yang nampak lebih amalan sunahnya tidak smestinya dia berniat menunjuk2, tetapi mgkin dia sangat cinta kepada sunah itu, walaupun sunat. kalau tidakpun tak rugi kita bersangka baik kepadanya. Dan kalau kita ikhlas, apa salahnya doakan diri kita agar mampu berbuat sptnya.

Kepada muallaf memang kita perlu berhikmah. Tetapi di samping itu kita tarbiah dengan baik agar dia akhirnya cinta kepada semua sunah Rasulullah termasuklah berkhatan, hatta berjuang dan berperang menegakkan kalimah Allah.

Wallahu 'aklam. ampun maaf....

By TUMPANG SEMANGKUKAuthor Profile Page on July 28, 2010 5:01 PM

Asalamualaikum buat semua.Lihat lah ramai yg mengulas berdasarkan intro tun Sunat dan wajib.Betulkan saya kalau saya silap Tun maksudkan sunat di sini ialah berkhitan bagi wanita dan berkhatan bagi lelaki.Bahaya tu kalau mengulas tanpa mengetahui apa maksud sebenar.
By Mis_bahAuthor Profile Page on July 28, 2010 4:22 PM

Assalamu Alaikum Tun,

Ngam Tun punya idea tu, kalau Allah sudah memudahkan kita, mengapa pula kita nak menyusahkan diri. Allah maha tahu keperluan manusia..jadi manusia jangan pula memandai-mandai..
By kzieAuthor Profile Page on July 28, 2010 4:02 PM

Salam Tun,
Saya ada kemuskilan,disebabkan banduan dan penagih dadah yang banyak,dan pengeluaran wang kite yang banyak untuk membayar warga asing.
saya ada satu cadangan dimana,banduan yang di penjara atau penagih di jadikan buruh kasar binaan,dengan itu dapat la banduan tersebut menghabiskan mase hukuman dengan lebih berguna dari hanya duduk di dalam penjara dan menghabiskan duit rakyat.Warden penjara boleh ditugas sebagai pemantau di lokasi tapak pembinaan yng di kawal polis.
By horsepower7Author Profile Page on July 28, 2010 3:49 PM

Salam Tun dan pembaca semua.

Apa yg saya belajar dulu..yg Wajib tetap Wajib dan yang Sunat tetap Sunat...

Saya setuju dengan Tun bahawa khatan itu adalah Sunat.

Tetapi saya juga setuju juga dengan saudara Joga dan seumpama dengan pendapatnya bahawa dengan berkhatan memudahkan kita menjaga kebersihan daripada najis untuk melakukan solat, mandi wajib dan ibadah yang lain.

Kesimpulannya, adalah salah jika seseorang mengatakan khatan itu wajib tetapi saya memahami jika orang itu mengatakan khatan itu diberatkan atas faktor memudahkan kita menjaga kebersihan diri daripada najis.

Wassalam
By matmalayaAuthor Profile Page on July 28, 2010 2:59 PM

Assalamualaikum;
Semoga yang berbahagia Tun sihat sejahtera;
1-Saya tidak pasti sama ada dengan menulis komen ini adakah ia berhasil mencapai objektif saya atau sekadar melepaskan apa yg terbuku di dada sahaja.
2-Tuhan memberi kelonggaran ini adalah kerana ia tahu bahawa manusia ini lemah dari segenap segi.
3-Wajib dan sunat sudah tidak perlu di pertikaikan lagi untuk orang yg telah sememangnya dilahirkan muslim.Insyaallah mereka telah faham segalanya. Tetapi faham tidak bermaksud mereka mengamalkannya.AND THAT IS WHEN THE REAL PROBLEM COME..
4-Saya yakin 100% jika semua pemimpin Islam di malaysia termasuk yang mulia tun serta pembangkan mengamalkan 100% basic muslim teaching yang betul sahaja dan tak payah yang hardcore pon negara kita akan aman dan makmur, tapi masalahnya pada pandangan dan pengelihatan saya yang jahil ini, ramai yang hangya tahu menulis dan memberi pandangan tetapi tiada praktikalnya.
4-Cuba kita lihat meeting yang dijalankan di pejabat- pejabat..kalau cakap pasal terlepas waktu sembahyang zohor..memang dah biasakan..
By MANBOOGIEAuthor Profile Page on July 28, 2010 2:13 PM

SIAPA YANG BERSALAH DALAM HAL...HAL BEGINI....
IBLIS TELAH DI BERI MUKA....SEMASA DISURUH TUNDUK HORMAT PADA NABI ADAM...DIA TAK MAHU TUNDUK DAN BERKATA DIA LEBIH AGUNG KERANA DI BUAT DARI API SEDANGKAN NABI ADAM DARI TANAH. INILAH TITIK PERMULAAAN KEJATUHAN UMAT YANG DIBERI NAMA MANUSIA.....FIKIR-FIKIRLAH SENDIRI.
By milshahAuthor Profile Page on July 28, 2010 1:46 PM

Assalamualaikum Tun,

Dari segi hukum, dah ditetapkan yang mana haram, halal, sunat, harus dan makhruh. Pada zaman nabi pun ada orang sebab nak sangat dekatkan diri dengan Allah sehingga bertekad mau membujang seumur hidup. Perkara ini telah ditegah sebab berkahwin itu halal. Jadi janganlah kita menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.

Walaupun begitu, ada juga yang membanyakkan amalan baik mereka. Di akhirat kelak, belum tentu amalan baik kita cukup sebagai bekalan. Mereka tau akhirat adalah hari yang menakutkan kerana setiap orang akan dibalas sesuai dengan amalan yang dilakukan di dunia. Kadang2 amalan baik banyak tapi dosa pun banyak seperti mengumpat, memfitnah, mencuri, berzina, judi, tidak amanah dan sebagainya. Jadi bagi sesetengah orang Islam, cara terbaik ialah selain amalan fardhu mereka juga lakukan yang sunat seperti membaca Al Quran, bersedekah, solat tahajud, solat terawih, mengerjakan umrah dan sebagainya. Mereka tau ianya sunat tapi mereka tetap lakukan sebab mereka tau setiap perbuatan mereka sama ada baik atau jahat akan dibalas dan dihitung di akhirat kelak walaupun amalan itu sebesar debu. Tapi dalam melakukan yang sunat mereka pastikan amalan fardhu
seperti solat fardu 5 waktu dijaga kerana itu wajib. Jangan pulak yang sunat dibuat yang wajib ditinggalkan.
By kuhanAuthor Profile Page on July 28, 2010 1:43 PM

Yang Amat Dihormati Tun,

Topik Tun ini amat menarik. Saya sebenarnya dah lama cuba untuk memahami tentang apa sebenarnya masalah orang Islam sehingga mereka ini berpecah belah dan sanggup berbunuhan sesama sendiri. Ada yang sanggup meletupkan diri sendiri kononnya akan dianggap syahid dan sebagainya. Di negara kita ini belum sampai ke tahap sedahsyat itu tetapi apa yang pasti setiap individu Islam ada pemikiran mereka tersendiri. Lihat sahaja kepada komen-komen mereka. Jelas sekali ada yang menyokong, ada yang menentang, ada yang tidak faham dan berbagai-bagai lagi.

Rumusan saya Tun adalah kerana kita ini mempunyai guru-guru yang berbeza. Perbezaan ini bermula sejak zaman kewafatan baginda rasulullah lagi. Kalau dahulu tidak ramai tetapi semakin lama semakin ramai guru. Setiap guru ada pemahaman mereka dan jadilah kita seperti sekarang. Orang yang berkepentingan politik lagi teruk tafsiran mereka sehingga sanggup mengkafirkan orang lain.

Tun, saya teringat anak lelaki saya yang berumur 9 tahun ketika pulang dari sekolah agama, mengatakan bahawa ustaz ada mengatakan bahawa setiap orang kafir pasti masuk neraka. Dalam hati saya rasa sangat bersyukur kerana saya dilahirkan di dalam keluarga islam, jadi dapatlah keturunan saya menjadi islam. Saya terfikir juga bahawa ruginya sesiapa yang mewarisi agama selain dari islam. Adakah anak-anak mereka yang belum tahu apa-apa akan terus dimasukkan ke neraka apabila mereka mati? Jadi betulkah hanya orang Islam yang akan merasai syurga? Atau adakah hanya pengikut PAS sahaja yang akan masuk syurga? Apa jadi dengan orang islam lain di serata dunia? Betulkah ajaran islam mereka atau hanya islam Malaysia sahaja yang betul? Bagaimana pula dengan umat manusia sebelum zaman nabi Muhammad? Manusia dari zaman nabi Adam misalnya? adakah mereka ini semua sembahyang lima waktu dan mengerjakan ibadat-ibadat lain seperti puasa bulan ramadan, mengerjakan haji dan lain-lain. Dan adakah mereka ini semua akan masuk neraka kerana tidak islam dan yang lebih penting lagi tidak mengikut sunnah?

Tun, masalah orang islam sebenarnya adalah kerana terlalu mementingkan tentang syurga dan neraka sahaja atau dengan lain kata, hanya memfokus kepada akhirat. Ini yang membuatkan mereka lupa tentang kewajipan lain terutama tentang kehidupan di dunia, tentang perlunya bersatu padu supaya kita menjadi kuat. Tentang perlunya menyebarkan ajaran islam kepada semua manusia, tentang perlunya menunjukkan keindahan dan kesederhanaan islam supaya orang lain tertarik untuk menganuti. Tetapi apa yang suka ditonjolkan adalah tentang hukum hakam sahaja. Ini membuatkan orang bukan islam takut untuk mendekati agama islam. Agama islam sekarang digambarkan sebagai agama yang kejam dan ganas. Jadi adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mengindahkannya. Janganlah asyik mahu menangkap dan menghukum sahaja.

Tun, kita biasa dengar tentang kenyataan bahawa Quran itu sesuai sepanjang zaman tetapi adakah kita faham maksudnya? Adakah ia bermaksud zaman tidak akan berubah sama seperti al quran? Apa yang pasti zaman telah berubah dan akan terus berubah dan sepatutnya al quran itu terus menjadi sesuai. Itu pemahaman saya. Kalau dahulu kuda dan unta menjadi kenderaan tetapi kini kereta, kapal terbang, kapal dan sebagainya menjadi kenderaan. Begitu juga dengan cara hidup, cara beribadat dan cara berperang, semuanya telah mengalami perubahan besar dan akan terus berubah. Jadi disebabkan perubahan-perubahan yang tidak mampu dielakkan ini, maka tafsiran dan pemahaman tentang al quran itu perlu disesuaikan.

Orang bukan islam terutama orang yahudi amat pandai sekali dalam menggunakan al quran. Mereka ini begitu cepat sekali mencipta kapal terbang yang boleh menggugurkan bom. Sudah tentu perkara ini telah diceritakan di dalam al quran di mana dengan kuasa Allah s.w.t., burung-burung yang membawa bebola api telah membantu rasulullah di dalam perang baginda dengan kaum quraisy. Saya hairan kenapa orang islam tidak mahu mentafsir al quran sebaik-baiknya sesuai dengan perubahan zaman. Takkanlah kita masih nak rejam pesalah zina sehingga mati di depan khalayak ramai? Sesuaikah?

Terima kasih Tun. Semoga kita memperoleh ilmu dan diberkatiNya.
By The Hidden Secret Author Profile Page on July 28, 2010 12:23 PM

Peace Tun and others.

IN THE NAME OF GOD.

GOD’s commandments are very clear. Since GOD’s commandments are very clear, there shall be no dispute regarding HIS commandments.

[45:17] WE HAVE GIVEN THEM HEREIN CLEAR COMMANDMENTS. Ironically, they did not dispute this until the knowledge had come to them. This is due to jealousy on their part. Surely, your Lord will judge them on the Day of Resurrection regarding everything they have disputed.

Where can we find all His commandments? We can find them in the Quran.

[2:185] Ramadan is the month during which the QURAN was revealed, PROVIDING guidance for the people, CLEAR TEACHINGS, and the statute book. Those of you who witness this month shall fast therein. Those who are ill or traveling may substitute the same number of other days. GOD wishes for you convenience, not hardship, that you may fulfill your obligations, and to glorify GOD for guiding you, and to express your appreciation.

Any other commandments and/or prohibitions which are not mentioned in the Quran are false prohibitions/commandments/doctrines. False prohibitions/commandments/doctrines/laws are prohibited by GOD and obeying false prohibitions/commandments/doctrines/laws is an act of idol worship - refer to [4:60] and [9:31].

[3:94] THOSE WHO FABRICATE FALSE PROHIBITIONS after this, and attribute them to GOD, ARE truly WICKED.

[4:51] Have you noted those who received a portion of the scripture, and HOW THEY BELIEVE IN idolatry and FALSE DOCTRINE, then say, "The disbelievers are better guided than the believers?!"

[4:60] HAVE YOU NOTED THOSE WHO claim that they believe in what was revealed to you, and in what was revealed before you, then UPHOLD THE UNJUST LAWS OF THEIR IDOLS? They were commanded to reject such laws. Indeed, it is the devil's wish to lead them far astray.

[9:31] THEY HAVE SET UP THEIR RELIGIOUS LEADERS AND SCHOLARS AS LORDS, INSTEAD OF GOD. Others deified the Messiah, son of Mary. THEY WERE ALL COMMANDED TO WORSHIP ONLY ONE GOD. There is no god except He. Be He glorified, high above having any partners.

[16:105] The only ONES WHO FABRICATE FALSE DOCTRINES are those who DO NOT BELIEVE IN GOD's REVELATIONS; THEY ARE the real LIARS.

[40:75] This is because YOU USED TO REJOICE IN FALSE DOCTRINES, on earth, and YOU USED TO PROMOTE THEM.

Regards and GOD bless.
By wajaperakAuthor Profile Page on July 28, 2010 11:55 AM

Asallammualaikumwarahmatulahiwabarokatuh..

Tun semoga sudi mengizinkan.

Prof_Ridcully.

Saya tak bersetuju dengan tuan.The best ethic of disputation is

not having them in the first place.

Sebab itu berkenaan agama Rasullulah s.a.w bersabda

"Buatlah urusan dunia mengikut keperluan dunia mu.Tetapi ikut urusan akhirat seperti yang di tunjukkan oleh aku".Makna yang seperti dan sewaktu dengannya.( Something to that effect ).

Tugas ulama seperti tuan ialah membenteras orang seperti Abdul Aziz tanpa segan silu.Mereka minta di belasah, kita mesti tunaikan permintaan mereka.Caranya? Tuan dengan cara yang lemah lembut dan sopan santun "menggaru" gatal ini..

Saya dengan cara keras menggaru mereka.You the bear.I am the badger.You the good cop.I am the bad "equalizer".Mari kita main peranan dan tugas kita di dalam Islam.

This job is designated for me.So please fulfill the designated mission for you.

Terima kasih tuan.
Terima kasih Tun.
By al-DinAuthor Profile Page on July 28, 2010 11:40 AM

Antara hak individu, hak umum, hak pejabat agama dan Islam.

Apabila pihak agama mengenakan syarat tanda tangan persetujuan isteri sebelum si-laki kahwin lagi ia merupakan sekatan wajib olehnya. Oleh itu ramailah ke Siam untuk di ijabkabulkan!

Ya, dalam perkara ini pihak agama berlaku proaktif tetapi (seolah) meletakan TIAP lelaki tidak boleh berfikir sendiri, tidak bertanggungjawab, kurang keagamaan – dosa dan pahala, tidak berkemampuan untuk kahwin lebih.

Lumrah manusia, memang ada/ramai lelaki yang tidak bertanggung jawab, menganiaya tetapi pihak perempuan bagaimana pula? Mereka pun tahu dosa, tahu menilai lelaki, bertanggungjawab atas diri sendiri sebelum bersetuju dikahwini. Ramai pula janda glamour dan tak glamour hendak kahwin untuk menjaga diri, iman, nafkah, zuriat dan keselesaan hidup.

Memang ideal adanya kebenaran isteri supaya mengelakan dusta, pergaduhan dan lain-lain akibah. Perempuan mana yang rela serelanya dimadukan. Tabii perempuan sekali imbas sahaja akan hidu angin madu.

Ada keketatan dalam kelonggaran?
By wajaperakAuthor Profile Page on July 28, 2010 11:40 AM

Assallamualaikumwarahmatullahiwabarokatuh.

Tun..anti hadith kafir ni dah muncul balik..Sudilah izinkan saya.

Tak serik-serik ya Encik Abdul Aziz?

What is actually it is all about the kafirian principal of anti hadith??

1) First they are COWARD!!..

Brave only in taking potshot at Islam in cyberspace.They are
such living so out of reality in life.Allah commanded them to go
to mosque and interact the Muslim in congregation.They refused
and only dares to say they are anti hadith here.GO!!..Tell the
muslim masses and pronounced your real identity that you are anti
hadith..Kafirian..You don't have the ball for the dare..

COWARD IS NOT MUSLIM!!

2) How do you perform 5 daily prayer's?It is not in AL Quran.

3) Again.Where do you sprung from?What documentation states that you
are Malaysian? A piece of plastic? You depend on this plastic for
your identity but you mock muslim identity which holding hadith
their very dear life?How mesmerizing..

4) Concensus.Muslim jurisprudence is in their conscensus.The Hujatul
Islam like Imam Ghazali is well known establishment.What are you?

Hujjatul Iblis??

5) Refines.You demand accountability in hadith.But you lacked
conviction in your own..How so??

6) Never end argument.You can argues till kingdom come.Mine will be
repeated similarly.How? And How? And How?

DO YOU PERFORM YOUR PRAYER'S??

Terima kasih Tun.
By Hainur HapisAuthor Profile Page on July 28, 2010 11:36 AM

Assalamualaikum Tuan Tun

apa kabar, semoga kekal dalam hidayah, dgn iman dan amal INSYA ALLAH

dari komuniti masjid seri petaling KL - berdekatan stadium bukit jalil

ahlan wa sahlan

Baraka ALLAH Hu fik

http://blogkarkun.blogspot.com/

Assalamualaikum
By wajaperakAuthor Profile Page on July 28, 2010 11:24 AM

Assallammualaikumwarahmtullahiwabarokatuh.

Tun.Harap sudi mengizinkan.

[[takkecebyk]]

Saya dukacita dengan tuan.Persoalan sebenarnya ialah "kehadiran hati di dalam solah".Jiwa sembahyang itu rukunnya.Ada rukun yang bersesuaian untuk solah sunah.Ada rukun yag bersesuaian dengan solah jamaah.Rukun ini di perjelaskan oleh ulamak di dalam pengajian.Jangan bertanya tanpa pengajian yang mendalam.Terima kasih.

[[themalaypress]]

KESIMPULANNYA TUN.

SUNAT ITU WAJIB MENGIKUT SUNNAH.

Betul tuan.Tapi kurang tepat.Yang tepatnya seperti ini.

Belajar hukum tajwid itu fardu kifayah.
Mengamalkannya di dalam pembacaan Al Quran fardu Ain.

Jadi..bagaimana nak amalkan tanpa ilmu yang fardu kifayah itu??

Sama dengan persoalan tuan.Sunat itu tetap sunat.Tetapi sunat itu

Sunnah.Sunnah itu bukan wajib tapi adalah keutamaan.

Di mana tuan punya blog ini tanpa kepakaran yang di milikinya?...:)

Terima kasih tuan.
Terima kasih Tun.

By wajaperakAuthor Profile Page on July 28, 2010 11:11 AM

Assallammualaikumwarahmatullahiwabarokatuh.

Semoga Tun sudi mengizinkan.

Saudara Airin.

Saya harap saudara sudi mempertimbangkan semula hasrat saudara.Memang betul di waktu ini syarahan agama di masjid boleh memperdayakan kita.Tetapi jangan di sebab ini kita malas ke masjid.Ambil contoh kebencian sesorang ini terhadap saya ( rekaan ).

"Mat'.Jom pegi masjid.Jawab Mat."Malas le aku.Aku menyampah tengok waja tu.Perasan hebat.Suka jadi bilal.Sebok je.Menyampah aku."

Dia menyampah sebab saya suka jadi bilal.( Rekaan ).Saya suka rebut janji Allah untuk mencari janji Allah ganjaran untuk bilal-bilal.Tak heran saya maki hamun,kebencian dan umpat keji manusia kerana mencari keredhaan Allah.

Si mamat telah tertipu.Sama seperti syaitan tertipu.Aku benci Adam sahaja tetapi tidak derhaka kepada Allah..

Aku benci waja je..tetapi suka datang masjid.Kalau dia tak datang masjid..maka rajinlah aku pergi masjid..Jadi..saya mesti tak pergi masjid untuk mematuhi permintaan si mamat? Silap tu bang..perumpamaan ini samalah seperti yang di lakukan oleh mamat lain yang marah kepada perkhidmatan bas dan stesyen minyak..Oi..kau nak tau tak?..Apa tu?..Aku nak tipu syarikat bas tu..Cammmana?

Aku beli tiket tapi tak naik bas..Padan muka syarikat bas tu!!

Sama juga..Aku bayar duit minyak tapi tak isi minyak..Huh!,

PADAN MUKA SYARIKAT MINYAK TU!!

Sapa rugi??

Kita bersabar dan terus memberi peringatan seperti dalam Surah ini..

Manusia itu sentiasa dalam kerugian.Melainkan mereka yang berpesan dengam kebenaran dan berpesan dengan kesabaran..

Kebenaran dalam sabar.Sabar dalam kebenaran.

Terima kasih Tun.
By hafizaAuthor Profile Page on July 28, 2010 11:01 AM

Salam Tun,

Really appreciate your views on multilevel marketing, pyramid scheme and direct selling. I believe other readers would like to know as well.
By pppzAuthor Profile Page on July 28, 2010 10:32 AM

Salam YAB Tun,

Sebelum kita berbincang tentang hukum Allah lebih baik kita mengkaji dan mengaji dulu Al Quran.

Adakah kedua-dua istilah tersebut wujud dan dibentangkan dengan jelas untuk kefahaman umat manusia atau ianya hanya cuma merupakan tafsiran manusia sahaja.

Kepada sesiapa yang berminat sila cari istilah 'wajib' dengan root abjad 'waw', 'jim' dan 'ba'. Jika ada sila sebutkan surah dan ayat-ayat tersebut.

Wassalam.
By AbdulBakAuthor Profile Page on July 28, 2010 12:59 AM

YBhg Tun M & Tun Ct
Semoga Tun berdua sentiasa sihat dan sejahtera.

Salam ... Saya berpendapat dan cadangkan ulama-ulama yang cerdik pandai dalam negara kita ini supaya berusaha dengan sungguh-sungguh dan ikhlas menggunakan akal dan lojik menterjemahkan Al Quran. - Kita sedia maklum ada blog-blog yang membincangkan terjemahan alquran. Adalah dipohon supaya tok tok guru turut serta berbincang dan berbahas dalam blog-blog berkenaan - itulah harapan saya dan mungkin ramai lagi yang sependapat dengan saya.

Kepada rakan-rakan yang selalu melemparkan kata-kata yang kurang manis, tuduhan dan fitnah pada Tun, saya mohon supaya kamu orang bacalah dulu buku-buku tulisan Tun dan YB-YB juga patut berbuat demikian. bacalah dengan hati yang terbuka. PLEASE AND THANK U.

Thank u Tun, take care urself and ur loving family.
By suratkhabarlamaAuthor Profile Page on July 28, 2010 12:30 AM

Assalamualikum YAB Tu, semoga sehat sehat selalu insyallah, Please allow me to comment on Aziz's comment. Quote, "THE KORAN STATED CLEARLY THAT WE DO NOT NEED ANY OTHER SOURCES EXCEPT FROM THE KORAN TO GUIDE US"
Perhaps he missed reading that Allah orders us in numerous ayat in the Koran to obey HIM and to obey the Messenger , the words of the Prophet (SUNNAH). The Prophet Muhammad (peace be upon him) said" I have left two things among you, as long as you hold fast to them, you will never go astray, they are the Book of Allah (Koran) and the SUNNAH of His Messenger. So
ISLAM= KORAN + SUNNAH only

Anyone who deviated from Islam is violating this RULE.

Wallahwaaalam.

Wasalamualikum YAB TUN, Terima kasih
By Anak kampungAuthor Profile Page on July 27, 2010 10:48 PM

Salam Tun,
Meninggalkan yang Wajib,berdosa.
Meninggalkan yang baik,rugi.
Meninggalkan yang Sunat tidak berdosa.
Melakukan yang Sunat,dapat pahala.
Setiap kebaikan adalah Wajib sebenarnya.
Meninggalkan yang Makruh adalah wajib kerana memudaratkan.
Melakukan yang BAIK adalah WAJIB.
BERPECAH-BELAH ADALAH HARAM.
By Mr BennyAuthor Profile Page on July 27, 2010 10:23 PM

at least... look at it from the scientific and medical point of view, hygiene factors (for men). Wont comment for females since I have no information about it....yet.
By zamreeAuthor Profile Page on July 27, 2010 10:23 PM

Salam dan maaf buat Tuan.Inilah masalah Tun dari dulu lagi apabila berbicara perihal agama.Wacana tidak akan menjadi ilmu sekiranya tidak mengikut disiplinnya apatah lagi persoalan hukum.Isu yang Tun bincangkan memang menarik tapi gagal mengemukakan nas ataupun dalil bagi menguatkan hujah.Kaedah ini penting supaya hujah kita akan menjadi sandaran,kukuh dan berautoriti.Saya bersetuju dengan pandangan saudara Hafiz Abduris bahawa beliau keliru tentang apa yang hendak Tun sampaikan.Saya bukan saja keliru tapi tidak mendapat sebarang manafaat daripadanya.Tun berjaya menjadi ultra Melayu kerana banyaknya ilmu 'Melayu' tapi untuk menjadi ultra Agama saya rasa belum masanya kot?.Ikhlas dari saya.Amin
By hazikAuthor Profile Page on July 27, 2010 9:04 PM

agama islam ini mudah dan senang
tetapi segelintir manusia membuatkan ia susah

amalan yang senang ditambah banyak syarat syarat sehingga ia jadi susah maka orang islam langsung tak buat amalan tersebut.

depa rasa dengan bagi susah dapat lagi banyak pahala.
By mattradinAuthor Profile Page on July 27, 2010 8:19 PM

SALAM SIR !!!
TOO 2 MANY USTAZZ IN CHARGE !!!!

WITH U AROUND,THAT S THE BEST !!!!

SALAMMM!!!
By sikenitAuthor Profile Page on July 27, 2010 8:13 PM

Salam Tun yang dikasihi dan pembaca semua yang dihormati.

1. Saya menulis kali ini hanya untuk tatapan Tun, tapi memandangkan forumnya bebas, maka pembaca lain pun bolehlah baca juga.

2. Islam adalah satu cara hidup, dan tiada agama lain yang lebih sempurna daripada Islam.

3. Adakah satu agama lain yang memberitahu kita bagaimana keluar masuk rumah? Kaki mana untuk

melangkah masuk, dan kaki mana untuk melangkah keluar? Kaki mana Tun langkah semasa masuk masjid, dan kaki mana semasa Tun melangkah keluar masjid?

4. Adakah agama lain yang mengajar umatnya ketika buang air besar, bahagian mana nak dibasuh dahulu? Yang hadapankah? atau yang belakangkah? Tangan mana nak diguna? Jari-jari mana yang nak diguna?

5. Semua details tentang amalan kehidupan ini, mungkin hukum feqahnya ada yang wajib, sunat dan harus, tetapi yang pastinya- ia mencakupi keseluruhan amalan hidup kita yang amat varied, daripada saat kita bangun tidur sehingga kita tidur semula. Daripada cara berhubung dengan seseorang individu, sehingga cara berhubung dengan bangsa berbudaya lain. Bagaimana makan, minum, memulai majlis, bersurai dari majlis dan sebagainya. Everything is told to us in great details, and these are shown by the Holy Messenger Muhammad SAW based on the teachings in the Holy Quran.

6. Dan apabila sesuatu amalan itu dilakukan oleh Baginda Kekasih kita Muhammad SAW, ikutan kita, rasul yang diutus kepada kita, maka mengikuti amalan Baginda dengan baik "bi-ihsan", akan memberi kita bukan sahaja pahala, malah akan meletakkan kita ke dalam golongan yang menegak dan menghidupkan Sunnah Nabi SAW.

7. Tun, antara fatwa dan taqwa, mana satu prinsip amalan Tun? Suka tak Tun, jika nanti di akhirat Tun dipandang oleh Nabi SAW dan dikenali olehnya sebagai "penegak Sunnahku?"

8. Allah SWT berfirman didalam al-Quran, ayat yang mafhumnya- Insya Allah begini " Sesungguhnya yang mulia di sisi Allah, ialah yang bertaqwa di antara kamu".

9. Benar Tun, memang ada di kalangan kita sekarang yang begitu cepat menghukum orang lain, seolah-olah dia tahu namanya sendiri tergantung di pintu syurga- tetapi perbahasan yang Tun buka kali ini adalah sedikit merbahaya kerana ia mungkin menjerumuskan umat Islam kepada berfikir bahawa lebih baik tak usah terlalu memberatkan yang wajib, dan tak perlu langsung kepada yang sunat. Sedangkan, amalan-amalan yang kita lakukan semasa di dunia inilah yang akan dicatat ke dalam buku amalan kita dan dibentangkan di hadapan Allah SWT di padang mahsyar kelak.

10. Terlalu banyak lagi tentang agama Islam yang perlu kita umat Islam sendiri belajar dan amalkan.

11. Janganlah kita fikir bahawa sudah cukup dan memadai hanya dengan amalan wajib sahaja untuk kehidupan kita di dunia ini, dan di akhirat kelak, kita menjadi orang yang keluh kesah kerana sedikitnya bekal amalan yang kita bawa. Tak cukup setakat itu, amalan yang sedikit yang kita bawa ini pun, Tun, akan di tapis lagi oleh Allah SWT- adakah Ikhlas keranaNya atau- tidak ikhlas?

12. Takut, Tun- takut sungguh waktu itu Tun... waktu di mana segala amalan kita dibuka untuk ditanya satu persatu oleh Allah, Yang Maha Perkasa, Yang Maha Berat HisabNya. Lepaskah kita nanti Tun, untuk selamat daripada azab neraka yang pedih, jika hanya berbekal amalan wajib- yang tak tahulah cukup atau tidak keikhlasan kita- cukup atau tidak syarat sah amalan kita, cukup atau tak syarat khusyuk kita semasa kita melakukan amalan wajib kita itu. Kalau cukup semua syarat- alhamdulillah... Insya Allah kita kan selamat. Tetapi, what if-Tun? what if amalan wajib yang kita bawa tu tak cukup syarat, Tun? Kat mana kita nak cari amalan lain untuk tampung kekurangan amalan wajib kita- kalau semasa di dunia ini- kita tak ada atau sedikit sangat amalan sunat?

13. Dan ini, tak dikira lagi dosa-dosa kita Tun!!! Baru kita tengok the entries yang elok-elok, tak tengok lagi entries kita kat sebelah negative tu!!!.

14.Dosa mulut kita yang tak bertulang ni Tun? Macam mana? Aduh.. fikir tentang benda-benda yang kita cakap sehari-hari ni pun Tun, rasa macam boleh tilt the balance against our favour nanti Tun!!!

15. Marilah kita sama-sama menambah lagi ilmu dan amal kita, kerana kehidupan di akhirat adalah untuk selama-lamanya...

16. yang wajib tetap wajib, janganlah kita tokok tambah, yang sunat tetap sunat, janganlah kita ubah jadi wajib. tetapi yang Sunnah Nabi SAW, marilah sama-sama kita pelajari dan amalkan kerana Sunnah Nabi jika kita hidupkan dalam kehidupan kita sekarang ini, pasti akan membawa kebaikan kepada kita di dunia ini dan tambah-tambahan lagi ketika kita di akhirat kelak. Waktu di mana Nabi SAW akan menjadi satu-satunya sumber pertolongan kita kerana pada masa itu, kita dah tak boleh nak cuba tambah lagi dah amalan kita.

17. Janganlah kita caci mereka-mereka yang cuba memperbaiki diri dan amalan mereka, sebagaimana kita tidak suka orang mengata-ngata kepada kita yang kurang melakukan amalan agama ini.

18. Sama-samalah kita bermuhasabah.

Salam sekali lagi Tun, Jaga diri jaga Solat. Kerana "sesungguhnya solatlah amalan pertama yang akan di hitung di akhirat kelak. Baik amalan solat kita, baiklah semua amalan yang lain. Buruk amalan solat kita, buruklah segala amalan yang lain"- Mafhum Hadith Nabi SAW. Dan solat untuk orang-orang lelaki ialah di mana azan dilaungkan- Itu Sunanul Huda Nabi kita.

sikenit- the insignificant one
By prof_ridcullyAuthor Profile Page on July 27, 2010 8:04 PM

Salam Tun,

Ya, Tun, ramai orang suka memandai-mandai dalam hal-hal ugama sehingga melanggar perintah Allah swt. Orang sedemikian telah wujud sepanjang zaman, dari zaman awal kebangkitan Islam sehinggalah ke hari ini. Perbuatan mereka ini telah menimbulkan banyak keburukan seperti perbalahan sesama Islam dan perpecahan kesatuan umat Islam. Lebih buruk lagi, perbalahan juga menyebabkan orang Islam membunuh orang Islam.

Allah swt yang mewujudkan manusia dan segala makhluk Mengetahui hal ini dan telah memberi pesan supaya orang Islam menjadi ummatan wasatan: "Dan demikianlah Kami menjadikan kamu suatu umat yang seimbang...." [Al-Baqarah: 143, terjemahan Bahasa Melayu oleh El-Muhammady dari Yusuf Ali]

Saya kira banyak masalah boleh dielak dan diselesaikan jika orang Islam berpegang kepada ayat ini dan menjadi umat yang sederhana dalam semua aspek.

Satu cara untuk menyekat kegiatan orang yang memandai ini [dan saya rasa Tun telah pun memberi imbasan kepada perkara ini melalui entri Tun terdahulu bertajuk Hukum Allah] ialah dengan mencabar mereka -- dengan cara baik, sudah tentu -- untuk menunjukkan "proofs" pertama-tamanya dari Al-Quran dan As-Sunnah, dan seterusnya dari karya-karya pendeta-pendeta Islam yang lampau mahupun yang kontemporari.

Seperkara lagi ialah saya rasa pada hari ini ramai ulama menyumbang kepada kekeliruan -- ada pelawat blog yang menggunakan perkataan "menggelabah", dan saya setuju dengan perihalan tersebut -- di kalangan orang Islam dengan perdebatan mereka. Bukan debat itu sendiri, tetapi cara perdebatan atau perbahasan itu dilakukan. Sebagai seorang awam saya lihat banyak, jika tidak semua, mereka yang terlibat sudah lupa dengan adab atau "ethics" perdebatan atau penyelesaian kelainan pendapat di antara para ilmuan agama. Ramai di antara mereka melanggar garis panduan perdebatan mengenai ugama yang telah diletakkan oleh Imam-imam besar Islam sehingga hasilnya ialah kekeliruan di kalangan orang Islam dan perpecahan ummah.

Saya sudah lama melihat yang Tun amat berminat untuk memartabatkan Islam dan memelihara kesatuan umat Islam. Sehubungan dengan itu mungkin yayasan yang Tun terajui boleh menganjurkan perjumpaan mengenai "Ethics of Disputations" atau sesuatu yang seumpamanya bagi menghidupkan balik kesedaran di kalangan orang Islam -- bukan ulama sahaja -- mengenai tatacara terbaik untuk menyelesaikan perbezaan pendapat mengenai ugama Islam.

By orangmusikAuthor Profile Page on July 27, 2010 8:04 PM

Assalammualaikum Tun dan semua

aziz...i think you must seriously look back into what you have commented and as a muslim, please learn more about the islamic teaching.

it may confuse others...if our facts is based on personal desire or taught n etc.

i believe ur a good muslim and be a good one by commenting/revealing the truth n nothing but the truth after u have gone through the real islamic teaching.

the truth is just infront of us, we just need to be "humble" to discover it...

By the way, the 5 daily Contact Prayer(WAJIB) is taken from a hadith by rasullullah SAW(ISRAK MIKRAJ)...on how to perform solah. (Solah architecture)
By norzahAuthor Profile Page on July 27, 2010 6:35 PM

Apabila berbicara tentang hukum Islam tidaklah lengkap jika disebutkan dua kategori saja, iaitu wajib dan sunat. Ada empat kategori lain yang mesti dibicarakan dan kadangkala dikelirukan dengan wajib dan sunat. Perlu dibedakan antara yang wajib dan yang 'harus'. Seterusnya perlu juga diketahui yang 'haram', yang 'makruh' dan yang 'mubah' . Ada kalanya yang haram dikatakan makruh atau sebaliknya dan yang makruh dikatakan mubah.

Masalah kaum Muslimin bukan meliibatkan soal wajib dan sunat saja. Melakukan kedua-duanya tetap membawa pahala, Lebih penting ialah melakukan yang haram kerana menganggapnya sebagai makruh atau mubah. Kekeliruan dalam hal kedua ini melibatkan dosa dan merosakkan imej Islam manakala kekeliruan dalam hal pertama hanya memberatkan sedikit perkara yang telah diberi keringanan.
By hesmelAuthor Profile Page on July 27, 2010 6:23 PM

Salam..

Tok Det,

Isu Islam dari aspek sebegini, jika Tok masih ingat sering dibincangkan oleh Dr Kassim Ahmad, sahabat Tok dan saya merasa bertuah kerana berpeluang untuk turut serta bersama di dalam beberapa siri pertemuan dan perbincangan, di pejabat Tok di Yayasan dan juga di rumah Tok sendiri.

Masalah utama ini disebabkan oleh Islam yang kita ketahui sekarang, seperti yang dinyatakan oleh Dr Kassim Ahmad; bukanlah Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad 1400 dulu. Sebaliknya ianya merupakan fahaman Islam yang telah disesuaikan mengikut adat resam dan budaya tempatan itu sendiri.

Islam sebenar hanya boleh ditemui di dalam AL-Quran sahaja. Namun tak ramai yang mahu berbuat mengkaji dan mengaji al-Quran kerana mereka lebih selesa untuk terus mengamalkan ajaran Islam “baka” yang diwarisi turun temurun. Ada juga yang berpendapat bahawa Al-Quran itu tidak perlu lagi ditafsirkan sehingga ada yang mengecam Tok Det apabila Tok Det menggesa supaya AL-Quran perlu ditafsir semula mengikut kesesuaian zaman.

Islam, seperti yang diketahui umum bukan sekadar satu bentuk ajaran agama sebaliknya ianya turut mencakupi gaya hidup seorang yang beriman. Seorang yang beriman harus mempunyai minda yang peka dan terbuka serta selalu mahu mencari ilmu.

Namun, apa yang hendak Tok Det lakukan, iaitu memodenkan Islam dan membuka minda umat Islam, akan terus gagal dan tidak mempunyai sebarang kesan yang mendalam. Ini kerana, selagi umat Islam masih lagi berpaling daripada AL-Quran, maka sehingga bilapun masalah yang Tok Det bangkitkan di dalam penulisan ini akan terus menghantui masyarakat kita.

Hesmel Faznee Faisal
www.hesmel.blogspot.com
By AzahariAuthor Profile Page on July 27, 2010 5:35 PM

Salam Tun dan pembaca,
Saya pun dah lama mempersoalkan perkara-perkara seperti ini. Nasib baiklah Tun post tajuk ini.

Ada lagi beberapa perkara yang saya jadi musykil dengan ke Islaman kita iaitu amalan bidaah yang tidak dilihat bidaahnya lagi seperti membaca yasin pada mayat, membaca yasin setiap malam Jumaat, bertalkin etc hinggalah kepada perbuatan yang ala-ala macam sesat.

Lebih parah apabila kita menganggap perbuatan bidaah itu adalah sunnah. Apabila saya wujudkan persoalan ini maka ramai yang marah kepada saya.

Persoalan dibenak saya. Adakah hukumnya dipanggil sunat? Atau sebenarnya 'sunnah'? Bila ditanya adakah Rasulullah saw baca talkin pada orang mati? Golongan marah kepada saya tadi jadi keliru. 'Jadi kalau Rasulullah tak baca talkin maknanya bukan sunnahlahkan?' soalan yang selalu saya lempar kepada banyak orang.

Penyelesaian yang saya selalu beri adalah. Kalau tak pasti baik kita buat yang rukun sahaja. Sekurang-kurang dapat menjauhi dari dosa kerana buat benda tak patut. Silap hari orang yang buat rukun yang masuk syurga dulu.

Saya rasa kita ni dah tokok tambah banyak sangat Islam walhal Rasulullah bagi Islam kepada kita simple dan mudah sahaja.

Ada pulak sorang brader dulu perkenalkan Islam baru iaitu dipanggil Islam Hadari. Orang kurang arif macam saya jadi makin pening.

Wallahuwaklam.
By kulupaliAuthor Profile Page on July 27, 2010 5:21 PM

Salam sejahtera Tun,

By FAUDZI on July 26, 2010 6:45 PM [[[ Kata nik aziz beliau sanggup berkawan dgn syaitan demi kebaikkan agama dan PAS..]]]

Tak usah bimbang, Allah akan menghukum orang seperti ini di akhrat nanti. Kerana antara golongan pertama yang paling ramai disumbat ke neraka ialah dikalangan Ulama(seperti Nik Aziz ini), kerana mereka yang mendorong kepada kecelaruan umat.

Gara-gara mereka umat menjadi keliru dan bercelaru.

Jangan ingat dia itu seorang Ulama, sudah MAKSUM dan menyangka Allah sayang padanya dan akan MUDAH masuk syurga. Belum tentu lagi….!!! wahai Tok Guru Nik Aziz..

Allah ada memperingatkan, antara orang pertama yang akan disumbat masuk neraka ialah Ulama, kerana mendorong umat menjadi bercelaru dan bermusuh-musuhan.

Sebagai seorang Ulama, mereka sebenarnya tahu perpecahan umat itu dilarang, tetapi itu yang dilakukan.

Pun begitu masih sanggup pula bekerjasama dengan parti SYAITAN yang terang-terang anti Islam atau dengan kata lainnya membenci Islam.
Tq. Tun.

By Rimba EmasAuthor Profile Page on July 27, 2010 4:25 PM

SALAM BUAT TUN BERDUA MOGA DIRAHMATI ALLAH S.W.T

1) ALLAH S.W.T PERNAH BERKATA AKU TIDAK RUGI APA-APA JIKA KAMU MANUSIA TIDAK MEMATUHI PERINTAH KU SEBALIKNYA KAMULAH YANG AKAN RUGI KALAU TIDAK MENGIKUT PERINTAH KU.

2) SEBAB ITU BANYAKKANLAH MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG DIPERINTAHKANNYA SAMAADA SUNAT ATAU PUN WAJIB. BETUL TIDAK SALAH KALAU TIDAK MELAKUKAN PERKARA YANG SUNAT,TETAPI MENGINGATKAN NABI KITA YANG MAKSUM PUN MEMOHON AMPUN 70 KALI SEHARI SEMALAM INIKAN PULA KITA.

3) APA SEBABNYA ? MUNGKIN YANG AKAN MENILAINYA IALAH ALLAH S.W.T JADI KITA SENDIRI TIDAK TAHU APA YANG KITA LAKUKAN ITU DITERIMANYA ATAU TIDAK. MALAH KITA SENDIRI MUDAH LUPA DAN TIDAK TETAP PENDIRIAN OLEH UJIAN KEHIDUPAN INI.

4) DALAM SOLAT WAJIB SENDIRI, ADA PERBUATAN YANG WAJIB DAN SUNAT INI MENUNJUKKAN TELAH DICAMPURKAN. DIKAJI WAJIB SELALUNYA DIMUDAHKAN(RINGKAS) SUNATLAH YANG MEMANJANGKAN (PENAMBAHAN).

5) SEMUANYA KERANA DOSA DAN PAHALA. TIADA PAKSAAN KITA CUBALAH MENGURANGKAN DOSA (AKIBAT LALAI)DAN MENAMBAH PAHALA(AMALAN YANG DIPERINTAH).

6) SOAL CAHAYA KEISLAMAN BAGI BUKAN ISLAM TELAH RAMAI YANG MENDAPAT HIDAYAH TERUS KERANA ALLAH S.W.T MELEBIHI DARI SEORANG WANITA BUKAN ISLAM YANG MASIH MENOLAK ISLAM KERANA TAKUTKAN 'SUNAT' YANG TELAH DILALUI KANAK-KANAK KECIL.

7) KESIMPULANNYA KINI ISLAM MENGHADAPI TENTANGAN SEORANG ISLAM DAN BUKAN ISLAM YANG MELANGGARI PERINTAH-PERINTAH SERTA HUKUM-HUKUM ALLAH S.W.T YANG WAJIB DI PATUHI OLEH MANUSIA DI DUNIA INI.

WALLAHU'ALAM

By HBTAuthor Profile Page on July 27, 2010 3:12 PM

Ayahanda Tun

If the non-muslims do not want to follow the 'sunat dan wajib', what can this group of muslims do?

They use ISA to lock us up?

If the muslims act like the Taliban, I can say 90% of the non-muslims will migrate to other countries that allow democracy, equality and freedom, and they will transfer their wealth out from the country, many banks will collapse, then the economy of the country will plunge down the drain.........

I think today muslims are less muslim than their parents and ancestors. Today, Muslims are like Chinese and other races, they are less religious, but more family oriented. In fact, many multi-corporations and private companies organise annual family days in the country, does government organise her departments' family days?

It is either we change, or be changed by others whom we may not know. Anything is possible, for example, 100 years ago, no one believe that men could land on moon. 50 years ago, no one believe that human brain could be replaced by computer. 30 years ago, no one believe that telephone could become mobile phone.

A pleasant day to Ayahanda Tun.
P.S. DSAI, our Selangor Economic Adviser, made a small banner at the T junction of a road in Selangor that reads, "Merakyatkan Ekonomi Selangor"....I feel sad to see him struggling blindly with no concrete direction and economic foundation for the rakyat Selangor......UMNO Youths please don't be rude and samseng at DSAI though you young men know UMNO can re-gain Selangor in PRU13, k. Be gentlemen and family men!!!
By avz90201013Author Profile Page on July 27, 2010 3:08 PM

as'kum semua,

antara banyak2 pandangan dan pendapat yang cukup merapu, tiada idea bernas, bodoh, bangang adalah daripada komen takkecekbyk. kita berilmiah tapi berbangang buat ape.
By JulianaAuthor Profile Page on July 27, 2010 1:13 PM

I KNOW WHAT YOU MEAN!!!! These ppl drive me NUTTS...and I am a Muslim!! So I can understand if some ppl are turned off. I agree with you that we need to accept that Islam is NOT a religion that inconvenient us. Why do we make it so hard on ourselves. Islam is a religion of peace and compassion. So COME ON PEOPLE!!! Let's go back to the book. Let's not make Wajib what is Sunnat and not make Haram what is Halal. Let's not make Islam a religion that is hard to follow. It shouldn't!!!!
And btw, there is NO COMPULSION where religion is concern. It can't because it doesn't make sense.

Allah s.w.t knows best.
Thank you for writing on this.
By DarahtuahAuthor Profile Page on July 27, 2010 1:07 PM

YABhg Tun,

Saya baru tahu Tun tidak suka kepada ISA dan tidak setuju terhadap Operasi Lalang. Saya abadikan di sini ...
http://darahtuah.wordpress.com/2010/07/23/tun-m-isa-dan-operasi-lalang/

T/kasih.

Darahtuah.
By musatoAuthor Profile Page on July 27, 2010 12:51 PM

Assalamualaikum Tun.

Cakap pasal khatan orang pompuan ni,saya dapat maklumat yang dibawa oleh manusia yang gila sangat kat kelucahan melampau sampai berniaga, kata orang pompuan Melayu sekarang ramai tak berkhatan.Kat mana dan macam mana dia dapat tengok tak tau la.

Biasanya kalau dah berdua ada la orang ketiga iaitu syaitan.Bak kata gosip artis,tersentuh tangan pun dah karan semacam.Harap remaja serta belia muda-mudi dapat mengawal diri mereka sendiri dalam bab macam ni.Jangan menghampiri zina walau sedikit pun.Padah akibatnya.

Tapi kalau dah terkangkang depan mata tu,apa yang kamu nampak? Kadangkala nafsu menguasai diri.Terasa hebat seorang pompuan jatuh ke tangan kita.Maka kitalah lelaki paling hebat atas dunia.

Sebenarnya di depan kita itu adalah KASIH SAYANG.Seorang pompuan tak akan menyerah diri tanpa rasa kasih sayang.Sanggupkah kita membelot pada kasih sayang yang dicurahkan oleh pasangan kita kepada kita?

Mungkin dah beberapa orang meratah pasangan kita.Tapi POMPUAN ITU LEMAH.Macam mana kita layan dan ajar dia macam tulah diaorang jadi.Kadangkala kalau dia ada kekurangan di mana-mana,maka

dia akan bagi dengan cara lain.Begitulah besarnya KASIH SAYANG seorang pompuan kepada pasangannya.Mungkin si lelaki hanya tahu berseronok dan tak faham hati orang pompuan.

Kalau tak salah ada hadis yang bermaksud bahawa pompuan ibarat tulang rusuk (bengkok).Kalau diluruskan dengan keras akan patah,tapi kalau dibiarkan,ia akan tetap bengkok.

Ketahuilah betapa hebatnya kasih sayang itu.Ingatlah bahawa kita ada adik pompuan.Ingatlah bahawa kita ada keturunan yang akan mengikuti kita di belakang.

Sedangkan wali-wali Allah juga bertaut KASIH SAYANG yang mana hanya antara mereka sendiri dapat kenal-mengenal antara satu sama lain.Begitulah hebatnya KASIH DAN SAYANG.

'Terima kasih kerana sayang pada saya.Saya juga sayang kepada kamu dan saya doakan kamu dapat mencapai cita-cita yang dihajati'.

Terima kasih Tun.
By musatoAuthor Profile Page on July 27, 2010 12:19 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya terkejut baca paper hari ni pasal kejadian yang meragut nyawa anggota PASKAU dari kem komando Jugra,Banting.

Salam takziah buat keluarga allahyarham.Adik saya pun berkhidmat kat kem tu dan dah beberapa kali saya masuk ke sana.

Dulu tak pandai salam cium tangan,sekarang dah pandai.Dulu tak pandai nak hulur duit RM50 buat belanja teh,sekarang dah pandai hulur.Terima kasih pada jurulatih.

Saya dapat rasa perasaan ahli keluarga allahyarham bila beritahu wartawan akhbar yang allahyarham baru telefon,belanja makan ahli keluarga dan baru berkahwin.

Dulu adik saya ada jugak luahkan perasaan gigi dia patah kena tinju.Tapi sorry la,lepas tu gigi orang lain pulak yang patah.

Pesan buat tukang lipat payung terjun tu ; lipat la betul-betul sebab itu WAJIB.SUNATnya kalau tukang lipat tu sendiri terjun dengan payung yang dia lipat tu.

Buatlah yang WAJIB dan kalau ada tanggungjawab lebih,tolonglah buat perkara SUNAT iaitu terjun dengan payung terjun yang kamu lipat sendiri.Ada faham? Kamu nak lipat payung terjun ke atau nak bunuh orang?

Terima kasih Tun.
By Ir. SyahrizanAuthor Profile Page on July 27, 2010 12:14 PM

Dear Tun,

Good article on "Sunat and Wajib".

Perhaps you should cover "Haram, Makruh and Harus" too.

So the teaching and the full concept of our Addin (religion) could be understood well by others. It is not good to tell half-baked stories.

"Haram" = Contoh "haram", ianya satu kesalahan atau dosa besar mengambil wang rakyat untuk keperluan sendiri.

Contoh unggul dikalangan para sahabat Rasulullah s.a.w.; kesemua Khulafak Ar-Rasyidin (Khalifah-khalifah selepas wafat baginda) pun tidak berani menyentuh wang Baitul-Mal (wang rakyat) melainkan yang telah dihalalkan kepadanya (seperti gaji). Gaji pun para sahabat tak berani ambil dari Baitul-Mal.

Ini kan Malaysia? Wang Billion-Billion ringgit senang sahaja keluar masuk poket menteri, kroni dan famili. Tepuk dada tanya iman!
By myrayzaAuthor Profile Page on July 27, 2010 11:59 AM

Allah S.W.T. Maha Mengasihani. Allah tahu kemampuan manusia setakat mana. Janganlah kita jadi seperti Yahudi dan Nasrani yang melampau-lampau dalam kehidupan. Yang Wajib tetap Wajib, yang Sunat tetap Sunat dan yang Makruh tetap Makruh.
By lightenAuthor Profile Page on July 27, 2010 11:40 AM

Salam,

dari takkecekbykAuthor

1. Sy nak cakap pasal sembahyang khusyuk.

Khusyuk tu apa? cuba fahamkan dulu apa itu Khusyuk.
By al-DinAuthor Profile Page on July 27, 2010 11:38 AM

Antara hak individu, hak umum dan hak pejabat agama.

Bung Mukhtar kahwin lagi tetapi ribut. Saya kurang mengikuti kesah sebenarnya tetapi beliau berani tanggung apa saja akan terjadi dari pihak pejabat agama. Ada keketatan di mana-mana ke? Tentu beliau tahu kalau pergi ke Siam lebih mudah di ijabkabulkan. Adakah kita lebih Islam dari Siam?
By lightenAuthor Profile Page on July 27, 2010 11:37 AM

Salam,

Islam di Malaysia adalah lebih pada istilah; Islam yg telah dimelayukan, dari melayu yg diislamkan.
By khairi aliAuthor Profile Page on July 27, 2010 11:13 AM

Assalamualaikum Tun, Semoga berada dalam sihat sejahteraa adanya. Dan semoga Allah lanjutkan lagi usia Tun. Amin.

Saya glance through komen yang disiarkan ini. Maka dapatlah saya kutip : sukar berbincang secara terbuka; ikhlas kepda Allah; ulamak yang sedang 'memerintah'; susah nak bersatu; hollier than thou, erraneous interpretation,; more religious than others; dan banyak lagi.

Jika tujuan Tun menulis blog ini adalah untuk menguji pandangan peminat, maka blog ini menemui matlamatnya.

Apa yang saya nak tambah di sini ialah : puncanya adalah kerana tidak berada dalam kepompong (kerangka) Islam. Umat Islam kini berada dalam lingkongan atau linkaran luar Islam, seperti moden, sosialis, atau pun demokrasi. Jadi mereka pun sukar diajak berbincang, susah nak bersatu, masing-masing berlagak ulamak, dan sebagainya.

Jika berada dalam lingkongkan Islam, hal-hal seperti ini boleh dibendung dan dikawal. Ini kerana umat Islam akan tau siapa yang sebenarnya layak untuk membicarakan tentang hukum Islam, umat Islam, maslahah ummah dan sebagainya. Sebabnya ketua umat Islam itu adalah yang terbaik dari kalangan mereka, dilantik pula secara consensus di kalangan ketua keluarga sesebuah komuniti, mukim, daerah atau sebagainya. Dengan kata lain, ketua atau pemimpin ummah itu dikenali oleh setiap isi keluarga

dalam sesatu komuniti. Ini termasuklah siapa itu ulamak sebenarnya dalam komuniti tersebut, siapa yang ikhlas, siapa yang amanah dan sebagainya.

sekian.
By gunse007Author Profile Page on July 27, 2010 10:02 AM

Tun Mahathir,

why you again bring in the kafirs ??? Why so eager to convert non moslems to your religion??

Do you people want to convert 100% of this planet to Islam??
The remaining 5.5 billion++ kafirs are just happy with their own religion or without any religion, atheist.

Please concentrate on your own kind than drag the kafirs into your World....

Boleh??
By adik adikAuthor Profile Page on July 27, 2010 10:02 AM

Sijil makanan halal yg dikeluarkan olih badan islam
seperti JAKIM,MUIS lebih merupai Commercial Product dari
imformative halal tentang barang tersebut.
Perusaha Makanan Kafir mengambil kesempatan atas tujuan tersebut.

Yang halal,bukanlah sijil yg dikeluarkan olih Jakim atau Muis.
Halal,Haram.Makroh,Sunat,adalah hukum agama dan TIDAK SEHARUSNYA
manusia mengeluarkan sijil tersebut,kerana yg kafir akan ambil kesempatan.
Jika JAKIM,Muis bolih mengeluarkan hukum ALLAH dalam bentuk sijil mengapa tidak keluarkan saja Sijil Haram,Makruh dan sijil Sunat uga dalam bentuk sijil.
Seharusnya sijil halal merupai landasan imformative halal bagi makanan tersebut tetapi sekarang ia sudah menjadi commercial item
yg mana si kafir mengambil kesempatan.
Yang HALAL bukanlah sijil tersebut Tapi HUKUM nya.
Dengan kini Badan Islam mesti bertanggung jawab atas hukum agama yg disijilkan.
By mgpunyaAuthor Profile Page on July 27, 2010 9:22 AM

YABhg Tun,

...maybe a case(s) in point...sir???
By ifadzlieAuthor Profile Page on July 27, 2010 7:59 AM

Aslamkum Tun yang di kasihi,

Tun apa yang Tun katakan banyak betulnya dan kepada saya "ulama dan ustaz" banyak mempermainkan perkara2 ini yang menjadikan banyak orang Islam di Malaysia "menggelabah" karena nya dan memeningkan antara "wajib" dan "sunat". Perlu diingati bahwa ada DUA ULAMA yang diperingatkan oleh Nabi SAW yakni "Ulama Uhum" dan "Ulama Umati". Ternyata "Ulama Uhum" lah yang sedang memaharajalela dikala kini yang telah memporak-perandakan Islam.

Balik lah kejalan Allah SWT dan Nabi Besar SAW serta ikuti & teliti lah ajaran yang telah diberikan dan jangan sesekali mungkar atas apa yang diperentahkan.

Semoga Tun bisa memberikan pandangan yang membina dan membuka mata orang2 kita semua. Amin.

Wass wr wb.
By hubbibieAuthor Profile Page on July 27, 2010 7:29 AM

ramai yang sibuk dengan urusan kewajipan mencari nafkah utk keluarga ... semakin letih nampak nya kita dengan kewajipan ini kerana kos saraan hidup yang semakin tinggi dan nilai rm yang semakin susut di sebabkan nilai barang dagang yang semakin meningkat ... macam mana lagi dengan kewajipan lain lain nya ???

how do we balance the kewajipan dunnia dan kewajipan when as we move forward into the future the kewajipan dunnia keeps on increasing because of the sharp rise in cost of consumer products ... letih wehhh nak cari duit utk menampung kewajipan mencari nafkah sedangkan nilai rm100 sepuluh tahun dulu dengan sekarang dah jauh berbeza.

Minyak plak naik .. gula ... beras ... dan lain lain lagi ... gaji pun naik juga tapi tak langsung nampak kesan viagra nya .. hahaha ...

kita tengok lah kehadapan ... harap harap kerajaan ada jalan bagi memberi keselesaan dan keringanan utk rakyat menjalankan kewajipan mencari nafkah utk keluarga.

Wassalam
By amin tanAuthor Profile Page on July 27, 2010 7:21 AM

Salam Tun,

Saya setuju dengan hujah Tun. Mungkin ada orang fanatik dan yang ingin menunjuk-nunjuk bahawa dia yang paling alim lagi beramal dalam islam sehingga ada hubungan istimewa dengan Allah dan orang seperti Tun dan saya ini muslim kelas ketiga. Sebenarnya memeluk agama islam amat mudah sekali. Mengucap dua kalimah syahadah sahaja seseorang itu telah islam. Bahkan dalam peperangan Badar ada di kalangan musuh yang terbunuh, Rasullullah mengenalpasti sebagai islam sebab Nabi kata dia memang berniat nak memeluk islam tetapi sudah mati dalam pertempuran sebelum menzahirkan keislamannya. Ada pula di pihak muslim yang terkorban dikatakan munafik.

Manusia boleh berdakwah, hidayah Allah yang kurniakan. Nabi berdakwah dan berdoa supaya bapa saudara Baginda, Abu Talib memeluk agama islam. Sampai sudah Allah tidak beri hidayah kepada Abu Talib.
Allah yang menentukan mereka yang akan masuk syurga. Sebab itulah jangan terlalu cepat kita mangaku kita alim, ada ilmu kebal, cakap besar. Fahamilah betul2 erti surah Fatihah yang kita ulangi setiap kali kita solat dan kita tidak akan menghina dan memperlekehkan mahusia lain samada islam atau bukan islam. Cuma saya hendak kata bahawa amat ruginya mereka yang tidak islam. Quran mengatakan Akhirat lebih baik daripada hayati dunia.

Bersunat atau berkhatam adalah budaya orang Arab Quraish di Mekah pada zaman nabi, samada islam atau kafir.

amin tan
By hubbibieAuthor Profile Page on July 27, 2010 7:20 AM

Salam Ayahanda Tun,

Zaman dah moden ... kecil besar lelaki wanita semua bole besunat tanpa rasa takut ... kot kot terlebih sunat tak timbul rasanya ... hehe

tapi Ayahanda ... klu kita tengok tengok di sekeliling kita ... ramai y
By akeeAuthor Profile Page on July 27, 2010 7:01 AM

Ini adalah kerana segolongan pengikut Islam yang 'kiasu' tetapi mempunyai kuasa, cuba membukti kepada yang lain yang dia itu lebih Islam dari muslim yang lain di mata orang Islam. Jenis mereka ini lah

yang merosakkan keindahan Islam yang seBENARnya (Islam Nabi SAW).
By SHAZAuthor Profile Page on July 27, 2010 3:51 AM

Salam Tun,

Semalam saya post di laman facebook saya " I hate people who think they are more religious then others".
Hari ini saya baca weblog Tun perkara berkaitan juga.

Saya setuju seratus peratus dengan pendapat yang mengatakan semakin ramai pak ustaz dan makcik ustazah di kalangan masyarakat kita sekarang. Pasang saja goatee semua orang percaya apa saja yang keluar dari mulut mereka. Yang perempuan pulak, pasang saja tudung labuh sampai lutut, dah dipanggil ustazah dan boleh memberi ceramah dan fardhu ain.

Saya ada jawapan kenapa mereka nak mengolah hukum mengikut hati -- nak pahala lebih supaya boleh masuk syurga dan dan riak nak tunjuk yang mereka ni alim ulamak yang tahu selok belok Islam lebih dari orang lain.
By azizAuthor Profile Page on July 27, 2010 2:44 AM

A;kum Tun,

It is very obvious to the Muslim world today that they are confuse about which one is which one. They get it all mixed up. Some of them even create another new rules and claim it to be God's order. Such a blasphemy.

Every human being are entitle to find the true religion of the world. To me, Islam is the religion of the world for all the people of the world. Do not matter who they are, and where they come from. As long as they try to seek the truth, they will be guided to believe in the Koran.

Whatever is 'wajib', which comes directly from God through Jibrail to Prophet Muhammad, is correct and based on the teaching of the Koran.

'Sunat' on the other hand comes from sources like Hadith. It compiled all the story told by Muhammad. The Koran stated clearly that we do not need any other sources except for the Koran to guide us. So, whatever given to Muhammad by God and written down in the Holy Book, Koran is sufficient enough for everyone to follow.

But, when there is 2 sources to follow, like the Koran and Hadith, people get confused. This is the cause of people getting it all mixed up. It is because they choose to believe both.

That has broken God's law. And God does not like that. He wants us to follow His book. Not any other book. We created dispute among us and not be united.That is very sad.

People rather do more Solat Sunat than the 5 daily Contact Prayer(WAJIB). To me, this is very clear, if you follow only one book and that is the Koran, then you only do the daily 5 contact prayer and nothing else. But if you follow 2 sources, and claiming that if you do more Sunat, you get more 'PAHALA' has changed the mindset of the Muslim around the world. They believe that, if they do more of the Sunat part, they get more 'PAHALA', then they tend to not to do the "WAJIB". It is as simple as that.

That is just one example but there are many more. Many more. People will continue to argue and debate about this, but I can tell everyone here one thing, this whole scenario will go on for a long time. People are claiming to be doing the right thing, and everyone has too much ego to admit to their mistake. They rather see their own people live a miserable life in this world than helping them to achieve happiness. It is because they do not believe in the Koran anymore. They believe in 2 sources. Muhammad believe in the Koran and nothing else. So why do we need to believe in Hadith. There was no hadith during

Muhammad's time. Only the Koran as the sources of information for us to study and follow. Nothing else.

That is why the Muslim before are very strong. They believe in God and His book without any doubt. God has blessed them so well. So why dont we ask ourselves. Have we done anything wrong with our way of life? That God has made us all confused about our own best religion?
Is God that cruel? Or is it us that created confusion among us?

Only if we are sincere with God, God will guide us surely. Never have anything to refer to for God's law other than the Koran. Then I can assure you, there will be no more confusion among us on 'WAJIB' and 'SUNAT' issue. People will be guided and do as they told. Nothing more, nothing less.

Thank you Tun,

aziz
By parameswara 2Author Profile Page on July 27, 2010 2:30 AM

Dear tun

This 'pihak tertentu' is losing credibility by the day.The likes of them throughout the width and length of the Whole Muslim world is what that has contributed to the terrible mess the Muslims are in now.The Muslims must admit that they have failed in all aspect of life as compared to the other people of other faith .There must be something terribly wrong with the way they have understood Islam today.They must post mortem immediately.They have no choice.

How is it that when Islam was given to the Arabs 1400 years ago,it transformed them to be leaders of civilization.When thousands of years before that these people were just simply insignificant dwellers of the Sahara neither the more advanced Egyptians nor Persian cared?Is the Islam the prophet practised in the Arabian Peninsula then a different version?A simpler version that the any of the desert people could respond easily by merely listening and researching the Quran?A simpler faith comprising of people who surrender to the will of God completely and seek only his blessings as their ultimate objective in life?

That they are created as the Khalifah of the almighty on this earth with their main responsibility to take care all of God's creation-the Earth,and all on it,the animals and obviously the other human beings as a mandatory obligation,a Wajib and not a sunnat as Tun has correctly mention.Sadly however this 'pihak tertentu' has got other ideas-this Fardhu Kifayah is not wajib to them-they say as long as someone else has already done the job-the rest of us are relieved of the responsibility..I truly wonder where on earth do they get this negative and funny idea?

The Fardhu Ain- those direct relation with God is wajib is an accepted fact.Because God have made it clear of God's purpose of creating us that is to worship Him.The importance of fardhu Ain is it helps prepare the believers with the training,foundation and guidance and discipline as to how they can perform their main responsibilty on Earth-that is to perform the Fardhu Kifayah (as khalifah)to the best of their ability.If you have a fantastic Fardhu Ain,that is your prayers and all your other obligations like fasting etc,etc.are complete and perfect but your Fardhu Kifayah(your indirect relationship with God through your relationship with all his other creation) is defective-that means you have actually failed as regards your main responsibility for what you have been placed on this earth....

Tun I see this erroneous interpretation of Fardhu Kifayah as the fundamental cause of the downfall of Muslims today.It's like them preparing night and day for a MBBS(fardhu Ain) and then not taking the MBBS examination (fardhu Kifayah) because it is not wajib.So how do they know if they have passed?

Thanks Tun.
By parameswara 2Author Profile Page on July 27, 2010 2:02 AM

Dear tun

This 'pihak tertentu' is losing credibility by the day.The likes of them throughout the width and length of the Whole Muslim world is what that has contributed to the terrible mess the Muslims are in now.The Muslims must admit that they have failed in all aspect of life as compared to the other people of other faith .There must be something terribly wrong with the way they have understood Islam today.They must post mortem immediately.They have no choice.

How is it that when Islam was given to the Arabs 1400 years ago,it transformed them to be leaders of civilization.When thousands of years before that these people were just simply insignificant dwellers of the Sahara neither the more advanced Egyptians nor Persian cared?Is the Islam the prophet practised in the Arabian Peninsula then a different version?A simpler version that the any of the desert people could respond easily by merely listening and researching the Quran?A simpler faith comprising of people who surrender to the will of God completely and seek only his blessings as their ultimate objective in life?

That they are created as the Khalifah of the almighty on this earth with their main responsibility to take care all of God's creation-the Earth,and all on it,the animals and obviously the other human beings as a mandatory obligation,a Wajib and not a sunnat as Tun has correctly mention.Sadly however this 'pihak tertentu' has got other ideas-this Fardhu Kifayah is not wajib to them-they say as long as someone else has already done the job-the rest of us are relieved of the responsibility..I truly wonder where on earth do they get this negative and funny idea?

The Fardhu Ain- those direct relation with God is wajib is an accepted fact.Because God have made it clear of God's purpose of creating us that is to worship Him.The importance of fardhu Ain is it helps prepare the believers with the training,foundation and guidance and discipline as to how they can perform their main responsibilty on Earth-that is to perform the Fardhu Kifayah (as khalifah)to the best of their ability.If you have a fantastic Fardhu Ain,that is your prayers and all your other obligations like fasting etc,etc.are complete and perfect but your Fardhu Kifayah(your indirect relationship with God through your relationship with all his other creation) is defective-that means you have actually failed as regards your main responsibility for what you have been placed on this earth....

Tun I see this erroneous interpretation of Fardhu Kifayah as the fundamental cause of the downfall of Muslims today.It's like them preparing night and day for a MBBS(fardhu Ain) and then not taking the MBBS examination (fardhu Kifayah) because it is not wajib.So how do they know if they have passed?

Thanks Tun.
By takkecekbykAuthor Profile Page on July 27, 2010 1:43 AM

YABhg Tun yg dikasihi,

1. Sy nak cakap pasal sembahyang khusyuk.
2. Ramai org Islam sembahyang. Tapi samada khusyuk atau tidak, lu pikir lah sendiri.
3. Kata org, kalau nak cabut anak panah atau duri (yg mana satu betul saya pun tak tau) dari tapak kaki Saidina Ali RA, kena cabut semasa beliau sedang sembahyang.
4. Kata org jugak, cucu2 Rasulullah SAW (Saidina Husin RA dan Saidina Hasan RA) gemar menaiki belakang Rasulullah ketika Baginda sedang sembahyang. Rasulullah SAW tidak akan bangun selagi cucu2nya masih di atas belakang Banginda. Kalau tidak, cucu2nya akan terjatuh.
5. Ringkasnya, Saidina Ali RA tidak sedar semasa beliau sedang sembahyang. Sebaliknya, semasa Rasulullah SAW sedang sembahyang, beliau sedar yang cucu2nya berada di atas belakangnya.
6. Persoalan saya, takkanlah Saidina Ali RA lebih khusyuk dari Rasulullah SAW. Ini tak masuk akal.
7. Kalau setakat NIK AZIZ, saya boleh agak samada dia khusyuk atau tidak. JANGGUT DIA PUN MACAM JANGGUT KAMBING.

By themalaypressAuthor Profile Page on July 27, 2010 1:37 AM

KESIMPULANNYA TUN.

SUNAT ITU WAJIB MENGIKUT SUNNAH.
By azmanyAuthor Profile Page on July 27, 2010 1:16 AM

Memang ramai sekarang yang mengambil sikap holier than thou yang mengatakan si polan itu kurang Islam dsb nya. Mengenai sunat dan wajib - yang pasti kalau kita berniat baik sudah pasti mendapat pahala. Allah sememangnya Ya Rahman dan Ya Rahim.

Seperti hadith Rasulullah

—–bahkan seorang pelacur Yahudi yang memberi minum anjing kehausan, dimaafkan dosa-dosanya oleh Allah. ( HR. Muslim 1277)

—–demikian juga seorang laki-laki tatkala ia memberi minum anjing yang kehausan. Maka bersyukurlah Allah Ta'ala kepadanya. (HR. Muslim 1276)

Banyak yang tidak menyenangi bila hadith ini di beri contoh - kerana seolah mengagungkan pelacur kata mereka. Hmmmm... tak reti-reti juga
By Man ToyaAuthor Profile Page on July 27, 2010 1:12 AM

ASKM TUN.
Masalah sekarang orang Islam dah banyak tinggalkan perkara-perkara wajib dan meringan-ringankannya. Perkara haram pun buat macam tak ada apa-apa aja.Inilah puncanya kenapa orang Islam tak boleh bersatu padu. Kerana orang Islam tak sependapat dalam menegakkan hukum Allah. Kalaulah orang Islam sama-sama tegakkan hukum Allah-Yang wajib semua buat bersungguh-sungguh,yang sunat lakukan sebanyak mungkin,yang haram tinggalkan sungguh-sungguh dan yg makruh tinggalkan sedaya mungkin,insyaalah umat Islam akan dapat bersatu semula. untuk mendapatkan ini kita kena buangkan sifat2 mazmumah dalam diri dan amalkan sifat2 mahmudah. Akal dan nafsu kena didik sungguh-sungguh mengikut kehendak Islam.
By HajarAuthor Profile Page on July 27, 2010 12:59 AM

Salam YAB dan diKasihi Tun,

Saya juga nampak perkara-perkara yang Tun bincangkan dalam artikel ini.

Perkara-perkara WAJIB diambil MUDAH dan diabaikan, tetapi perkara-perkara yang SUNAT AMAT DITITIKBERATKAN sehingga sanggup menghukum mereka yang tidak mahu melakukan perkara-perkara sunat.

Setahu saya, hukumnya berdosa (haram) jika MENUKAR hukum-hukum Allah.

Terima kasih Tun.

*** Saya doakan Tun sekeluarga sentiasa sihat sejahtera ***
By anak2chedetAuthor Profile Page on July 27, 2010 12:51 AM

Salam sejahtera buat ayahanda sekeluarga semoga diberkati Allah swt. hendaknya.

Sungguh menarik tajuk pada kali ini.Teringat akan ayat Al-quran dari surah An-Naml, ayat 89 dan 90.

Dengan izin;
Sesunggunya tanda-tanda akhir zaman sedang disaksikan oleh kita semua, terkini diantaranya:
Ulama-ulama di Negara kita ini bertelagah sesama sendiri, sehingga membuat kita semua merasa keliru,
Seribu pertanyaan…! adakah mereka ini layak dipanggil ULAMA ?

"Sedangkan Ulama-ulama bertelagah sesama sendiri, inikan pula manusia biasa"

sedutan dari Surah Al-A'raaf, 7:179.
"Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk isi neraka Jahannam kebanyakn dari jin dan manusia. Mereka

mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakan utk memahami dan mereka mempunyai mata, tidak dipergunakannya utk melihat dan mereka mempunyai telinga, tidak dipergunakan untuk mendengar, mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang2 yang lalai.”

'ILLALLAH'
FisalMahadzir
By abshAuthor Profile Page on July 27, 2010 12:44 AM

Salam Dr,

Menarik sekali topik yang dikupas oleh Dr kali ini. Bercakap dan menulis mengenai apa yang diwarisi adat dan budaya nenek moyang kita, yang disuruh oleh agama (wajib, haram, sunat dan sebagainya) dan yang ditiru dari budaya lain sehingga menjadi ikutan kita di negara ini adalah topik yang menarik untuk dibincangkan.

Saya ingin fokuskan kepada amalan bersalam dikalangan orang Melayu. Dulu-dulu amalan mencium tangan semasa bersalam hanyalah terhad diantara anak-anak dan ibubapa sahaja, dan saya sendiri masih praktiskan sehingga ke hari ini. Selain dari ibubapa, kita hanya bersalam tanpa mencium tangan walaupun dengan orang yang lebih tua dari kita.

Tetapi sekarang saya lihat semua kanak-kanak Melayu dididik dah diasuh untuk bersalam dan mencium tangan dengan semua orang yang lebih tua dari mereka tanpa mengira agama, bangsa, tahap kesihatan dan kebersihan orang yang disalami mereka. Apakah ini tuntutan agama, warisan adat dan budaya atau ikutan budaya luar?

Saya tidak tahu dari mana amalan ini diambil. Dilihat dari aspek kesihatan dan kebersihan, saya amat risau jika amalan ini sentiasa ditekankan pada masa ini dan mungkin pada masa akan datang, akan dianggap suruhan agama dan wajib diamalkan, maka pada masa itu anak-anak Melayu akan sentiasa terdedah kepada kuman-kuman yang mereka hidu (jika hidung yang mencium tangan) atau makan (jika mulut yang mencium tangan) dari tangan semua orang yang mereka salam.

Saya berharap Dr dapat mengurai lebih lanjut perkara ini sebagai pedoman kita bersama demi kesihatan anak-anak Melayu akan datang!

ABSH
By pakbelalangAuthor Profile Page on July 27, 2010 12:10 AM

Dear Tun,

Inilah keadaannya di Malaysia apabila setengah dari mereka yang kononnya berilmu tinggi dalam agama Islam cuba hendak menjadi orang berpengaruh dalam kelompok masyarakat mereka. Mereka akan gunakan ilmu itu untuk tujuan peribadi mereka dengan memutarbelitkan ajaran Islam hinggakan yang haram di katakan halal dan yang halal dikatakan haram, yang sunat dikatakan wajib dan yang wajib dikatakan sunat.Ramai yang terpengaruh dengan orang seperti ini kerana dalam kelompok-kelompok masyarakat Islam bukan semuanya berilmu tinggi tentang ajaran Islam. Maka cepatlah mereka terpengaruh dengan orang yang kononnya "berilmu" dan menerima apa sahaja ajaran dan hujah yang diutarakan tanpa ragu-ragu kerana kedaifan ilmu mereka.

Kalau kita buat kajian mungkin kita akan "tersentak" mendapati bahawa antara 100 orang Melayu Islam mungkin hanya 2 sahaja yang boleh membaca Quran dengan lancar. Yang lainnya mungkin tak tahu membaca Quran atau tak habis baca Quran atau merangkak baca Quran.

Bulan Ramadhan akan menjelma pada bulan depan. Ramai yang akan berkumpul di Masjid untuk bertarus Quran selepas solat sunat Terawikh. Cuba kita parhatikan kumpulan-kumpulan yang bertarus dan dengar bacaan mereka. Menyedihkan, terutamanya mereka yang dah berumur peringkat warga

emas. Masih merangkak membaca Quran.
By MAZAIAuthor Profile Page on July 26, 2010 11:53 PM

TUN,

SAYA BERSETUJU..... NAMUN URUSAN AGAMA AMAT SUKAR UNTUK DIBINCANGKAN SECARA TERBUKA.

KITA BANDINGKAN SAHAJA PERBEZAAN PANDANGAN ANTARA ULAMA DARI SAUDI ARABIA DENGAN ULAMA DARI MESIR. ULAMA DARI MALAYSIA DENGAN ULAMA DARI INDONESIA DAN ULAMA DARI YANG PRO UMNO DENGAN ULAMA YANG PRO PAS.

PERBEZAAN-PERBEZAAN INI SEBENARNYA ADALAH RAHMAT KERANA IANYA PERLU SELARAS DENGAN KEADAAN SETEMPAT. SUASANA DI PADANG PASIR TAK SAMA DENGAN SUASANA DI NEGARA SEJUK DAN TAK SAMA DENGAN SUASANA DI NEGARA ASIA. ALLAH AMAT PEMURAH DAN PENYAYANG. ISLAM TIDAK MEMBEBANKAN. AL QURAAN DAN HADIS DAN SUNAH HANYALAH PANDUAN. JIKA TERDAPAT KEKABURAN HARUS DITAFSIRKAN OLEH ULAMA UNTUK DISESUAIKAN DENGAN KEADAAN.

OLEH ITU SETENGAH-SETENGAH HUKUM ITU DIPUTUSKAN HANYA MENGIKUT TAFSIRAN DAN PANDANGAN ULAMA BERKENAAN. KALAU YANG STRICT ITU MAKA KETATLAH KEPUTUSANNYA KALAU LIBERAL PANDANGANNYA RINGANLAH KEPUTUSANNYA. NAMUN KEDUA-DUA MEREKA ADALAH ULAMA YANG MEMPUNYAI HUJAH-HUJAH YANG CUKUP UNTUK MENDOKONG KEPUTUSAN MASING-MASING. BANYAK CONTOH-CONTOH YANG BOLEH KITA SENANRAIKAN.

SEMOGA ULAMA-ULAMA KITA TIDAK TERLALU KERAP MEMBUAT KEPUTUSAN YANG MENAKUTKAN MEREKA YANG INGIN BERJINAK-JINAK DENGAN ISLAM.

MAZAI
By Hafiz AbdurisAuthor Profile Page on July 26, 2010 11:38 PM

Assalamualaikum warohmatullah hiwabarokatuh,

Tun,
saya tak berapa paham apa yang dikatakan Tun sebenarnya. Saya selaku rakyat malaysia yang muslim memohon jasa baik Tun menjelaskan apa maksud tersirat dan tersurat yang Tun siarkan mengenai Sunat dan Wajib. Takut nanti orang kebanyakkan salah faham jika tak diterangkan dengan teliti. Sebab Tun adalah salah seorang tokoh yang dikagumi antara Tun sedar atau tidak.

8. Walaupun ini mungkin tidak jadi masalah kepada yang sudah Islam, tetapi ada orang bukan Islam yang takut memeluk agama Islam kerana "wajib" disunatkan.

-secara ringkasnya saya faham.

9. Tetapi ada yang begitu keras mewajibkan "sunat" sehingga sanggup tidak menerima yang tidak mahu disunat memeluk agama Islam. Ketakutan ini lebih terdapat dikalangan wanita bukan Islam. Dipercayai wanita yang Islam pun ramai yang tidak disunatkan kerana ini adalah perkara yang tidak diwajibkan. Tetapi pihak tertentu berkeras berkenaan "sunat" bagi wanita yang memeluk agama Islam.

-ini saya masih tidak faham dan masih keliru

10. Kenapakah kita begitu tidak puas hati dengan kelonggaran yang diberi oleh Allah s.w.t. sehingga menolak hukum yang telah ditentukan oleh-Nya. Sesungguhnya banyaklah hukum Allah yang dialihkan terutama berkenaan fardhu kifayah supaya yang wajib menjadi sunat dan yang sunat diwajibkan.

-ini saya masih tidak faham dan masih keliru

Saya minta maaf jika ada silap dan salah. Dan mungkin apa yang dikatakan Tun berkisar tentang isu semasa yang tidak diketahui oleh saya.

Budak Baru Belajar,

*gelabah gak nak tulis ni :)
By JustmilAuthor Profile Page on July 26, 2010 11:27 PM

assalammualaikum..betul tu Tun ..selalu yg sunat kadang2 terlebih buat yg wajib susah sangat...mcm politik gak.... yg wajib kita bertaqwa kepada allah bermaaf-maafan, bersangka baik, hormat-menghormati, menyatu padukan umat islam..nie tak nak pulak..biasalah dah ada kuasa lebih sikit dah merasa diri yg lebih baik (kat akhirat tak pasti lagi..hanya allah yg tahu)..nie semua org2 yg pro kepada PKR & DAP lah punya kerje ..tak nak kasi org melyu (muslim) bersatu..
By gagakhitamAuthor Profile Page on July 26, 2010 11:11 PM

tun,

kata2 demikian ada benarnya.pandangan tun menuntut kita membetulkan yang biasa,dan membiasakan yang betul.apa yang Allah Swt bagi tu adalah sedekah yang penuh dengan banyak kebaikan dan kebajikan..

tak lama dah nak ramadhan..so inilah peluang kita,insyaAllah..
By arinAuthor Profile Page on July 26, 2010 11:03 PM

Assalammualaikum Tun,

1. Masaalahnya sekarang ini banyak orang orang islam yang menjadi ustaz ustaz ini berfikiran mereka sahaja yang pandai dalam hal ehwal ugama. Orang lain jahil, dan mesti rujuk kepada mereka. Kalau disanggah, mereka akan tuduh kita ini kafir.
2. Saya sudah meluat dengan gelagat mereka ini. Sudah sampai taraf saya tidak lagi hadir pada mana ceramah ceramah ugama.
3. Ceramah ceramah sekarang ini hanya untuk seronok seronok sahaja. Lepas ceramah, hadirin akan balek keliru, kerana penceramah telah memberi pandangan berbeza daripada yang dipelajari dahulu.
4. Itu sebabnya Allah berfirman dalam surah Al An-Am ayat 115 yang menyatakan kalimah kalimahNya yang telah diturunkannya adalah sempurna dan adil, terpelihara selama lamanya. Dalam ayat 116 surah yang sama, Allah memberitahu kita bahawa sesungguhnya jika kita mengikut kebanyakan orang orang yang ada didunia ini nescaya mereka akan memesongkan kita dari jalanNya, disebabkan sangkaan orang orang ini semata mata, mereka ini tidak lain hanyalah berdusta.
5. Disebabkan orang Islam tidak menghayati perintah Allah ini, mereka senang dipengaruhi oleh orang orang yang berkepentingan diri , akibatnya orang orang Islam berpecah belah dan bermusuhan sesama sendiri.

Sekian.
By shahrulAuthor Profile Page on July 26, 2010 10:50 PM

when ppl talk about god, they think they act as a god. When they study on Islam, they forget about economy, science, financial, engineering, etc2.....and even they decide to go to heaven or to hell...wow..!
By salamat munakAuthor Profile Page on July 26, 2010 10:39 PM

can't agree more...
By iiziinAuthor Profile Page on July 26, 2010 8:45 PM

..... ibadat sunat jika tidak dilakukan, memanglah tak berdosa, tapi alangkah ruginya.
By AzMaAuthor Profile Page on July 26, 2010 8:40 PM

Assalamualaikum Tun,

1.Apa yang lebih menyedihkan, yang di tegah itulah yang menjadi amalan dan yang di suruh di tinggalkan.

2.Rasulullah s.a.w memperteguhkan kewajipan memelihara hubungan persaudaraan yang menjana kepada perpaduan dan kesatuan ummah. Ini terbukti apabila Baginda ditanya oleh seorang sahabat, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Ayub Al-Ansari dalam hadisnya yang bermaksud:
" …Ya Rasulullah s.a.w apakah amal yang akan memasukkan aku ke dalam syurga? Maka sabda Rasulullah s.a.w: 'Engkau beribadah kepada Allah S.W.T dan tidak menasyrikkannya dengan sesuatu, mendirikan solat, membayar zakat dan menghubungkan persaudaraan.'"

3.Apakah menyusahkan sangat utk menjalinkan persaudaraan sesama Melayu sedangkan dengan dengan kafir herbi kita boleh menjalinkan kerjasama?

4.Wahai saudara2 ku sekelian marilah kita sama2 menentang habis-habisan sesiapa jua yang cuba untuk mengagalkan PENYATUAN MELAYU dan ISLAM.
By Bae_BahromAuthor Profile Page on July 26, 2010 7:47 PM

Salam buat Tun dan keluarga. Sebenarnya masyarakat mencampur aduk agama dan budaya. Kalau di Afrika lagi dahsyat Tun, sampaikan ada "movement to save women from circumcision". Oleh itu menjadi tanggung jawab individu mencari ilmu agama dan jangan berguru seorang sahaja. Masalah di Malaysia.. belajar agama boleh jadi tempat medan politik... Sungguh malang bagi masyarakat Islam..sebab nak belajar agama kena tahu bezakan agama Islam ajaran sebenar, agama Islam bercampur dengan adat dan agama Islam bercampur dengan politik. Maklumlah.. takut tak cukup Islam.
By cikgu rahimAuthor Profile Page on July 26, 2010 7:44 PM

Yang berbahagia Tun,
Tulisan yg menggambarkan pemikiran yg sederhana dlm beragama.
Tahniah.
Semoga mereka yg terlebih condong ke kanan atau ke kiri dapat mengambil iktibar.

cikgu rahim
By Pemuda NusantaraAuthor Profile Page on July 26, 2010 7:39 PM

Salam Tun.

Moda Tun dalam keadaan sihat.

Itu sudah janji Allah, Tun.

Manusia itu melampaui batas nya sendiri.

Tinggal perlu ada yang berani mengingatkan. Tapi nak mengingatkan pun boleh mengancam keteteraman semua jikalau tak pandai bertoleransi.

Banyak kerja Tun :)

Rais
By FAUDZIAuthor Profile Page on July 26, 2010 6:45 PM

salam TUN

entah kenapa tetapi itulah hakikatnya... pemahaman tentang islam pada dunia sekarang makin bercelaru.. mungkin sebab lebih ramai orang yang pandai tentang ilmu agama kot? Saya masih ingat

lagi, masa saya kecil, Allahyarham ayah saya berpesan "jangan lupa tinggalkan apa yang Allah larang dan buat apa yang Allah suruh". Itu sahaja.

Tetapi ulama sekarang ni (ulamak politik)mempunyai pandangan yang berbeza tentang ugama islam. Ada ulamak yang memuji orang kafir kerana pandai menghafal sepatah dua ayat al quran.. kalau di zaman nabi orang ini dianggap munafik dan wajib dimusuhi, kerana mempersendakan agama Allah. Kalau benar mereka percaya kenapa tidak beriman kepada agama Allah? Jelas sekali ayat ayat Quran dipermainkan.

Tetapi bagi orang yang benar2 beriman tetapi hanya kerana berbeza pendapat tentang hal hal dunia maka dimusuh dengan sebenar2nya, seolah orang mereka lebih islam dari islam yang lain. Ini lah puncanya umat islam dimuka dunia ni rosak.

Meraka hanya memilih perkara sunah yang senang dan secocok dengan jiwa mereka yang mana tidak secocok maka ditinggalkan. Sebagai contoh yang paling senang adalah Nabi Muhammad SAW adalah seorang peniaga yang bagus dan berjaya dan ini adalah Sunnah dan amat bagus untuk diikuti kerana secara langsung boleh membantu umat islam dalam ekonomi (sebagai catatan TUN berjaya dalam perniagaan THE LOAF, saya amat teruja melihat the loaf si subang jaya yang di penuhi pelanggan setiap hari, tahniah TUN). Tetapi ulamak politik tidak nampak soal soal sebegini, mereka menekankan kepada perkara yang remah temeh dan apa yang jelas umat islam makin mundur dan berbeza pendapat pada yang remeh temeh.

Antara ulamak politik yang berfikiran sedemikian adalah Nik Aziz yang banyak merosakkan kefahaman umat islam di malaysia ini. Nik Aziz merasakan seolah olah beliau seorang sahaja yang tahu tentang agama hinggakan beliau sanggup menghina mufti dsbnya.

Kata nik aziz beliau sanggup berkawan dgn syaitan demi kebaikkan agama dan PAS.. persoalannya, kenapa beliau tidak sanggup berkawan dengan UMNO? apakah nik aziz merasakan bahawa UMNO terlalu baik, maka beliau lebih rela berkawan dgn DAP dan PKR kerana mungkin ini lah syaitan yang dia maksudkan? Atau apakah mungkin hanya syaitan yang boleh berkawan dengan syaitan? justeru itu UMNO harus jadi syaitan jugak lah

wassalam
By jogaAuthor Profile Page on July 26, 2010 6:24 PM

salam tun,

Dalam hal ini (saya sentuh hal lelaki), Islam menitik beratkan kebersihan seperti kata pepatah "kebersihan itu sebahagian daripada iman". Justeru, apabila seorang lelaki yang Islam atau yang ingin memeluk Islam haruslah berkhatan. Kita sendiri sedia maklum, untuk melakukan ibadah wajib dan ibadah sunat (SOLAT)kita mestilah berwuduk, suci daripada hadas besar dan berpakaian bersih (BEBAS DARIPADA NAJIS WALAUPUN PERCIKAN).

Jadi, walaupun kita berwuduk tetapi jika bahagian 'kulit' tidak bersih, bagaimanakah ibadah wajib dan ibadah sunat kita? Adakah boleh diterima? Sudah tentu tidak. Memang khatan tidak diwajibkan dalam Islam, sekadar disunatkan sahaja tetapi mampukah kita untuk kita sentiasa memastikan 'kulit' itu sentiasa bersih luar dan dalam agar ibadah kita diterima? Sedangkan pakaian kita belum tentu dapat dipastikan kebersihannya setiap kali solat wajib, inikan pula perkara ini? Nah, jawapannya terletak pada diri kita sendiri.

Cuma dalam hal ini, bagi orang lelaki yang ingin memeluk Islam hendaklah diberikan nasihat-saranan-penjelasan agar mereka bukan setakat TAHU apa itu khatan tetapi MAHU berkhatan. Penjelasan perlulah diberikan secara berHIKMAH, bukan memaksa tetapi menunjuk jalan. Bukan mengajar tetapi membimbing.

Janganlah disebabkan satu hal (tidak berkhatan), habis rosak semua ibadah kita.

By GloryAuthor Profile Page on July 26, 2010 6:02 PM

"Mereka lebih suka jika yang wajib ditambah dan yang sunat diwajibkan."

penulisan kali ini nampak macam ada SINISnya.. lol

Sangat2 betul... erm.. SARCASTIC penulisan TUN memang no1...

Semoga sentiasa dirahmati Allah

Regards,
Glory

Source: http://chedet.co.cc/chedetblog/2010/07/sunat-dan-wajib.html